

Dasar mesra pelabur, kelulusan lebih cepat

MUKA
2



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menunjukkan Buku Anggaran Belanjawan Negeri Selangor 2025 di kediaman rasmi di Shah Alam pada 15 November 2024. Turut sama, EXCO dan pegawai utama pentadbiran negeri. Foto RADIN WAZIR

16 HALAMAN BERITA & GRAFIK LIMA TERAS BELANJAWAN 2025



RM5 juta
majukan AI,
bangun pusat
inkubator

Muka 5

Khairat
RM1,000
bantu urus
jenazah

Muka 9

Mansuh
duti hiburan
artis
tempatan

Muka 19

RM6 juta
naik taraf
Taman Rakyat
Madani

Muka 8

Bantuan khas dua bulan gaji

SHAH ALAM - Penjawat awam Selangor menerima Bantuan Khas Kewangan (BKK) dua bulan gaji bagi menghargai kerja keras mereka tahun ini.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata jumlah tersebut akan dibayar pada 30 Disember ini dan seterusnya pada 25 Mac tahun depan sempena sambutan Aidilfitri.

"Pada tahun ini, kita mencapai beberapa rekod yang boleh kita bangga tanpa mengira haluan politik. Untuk keseluruhan 2023, Selangor menjadi negeri pertama merekodkan nilai ekonomi mencecah RM400 billion, iaitu sebanyak RM406.1 billion.

"Nilai dan pungutan hasil melebihi sasaran dari tahun ke tahun meskipun melalui pandemik Covid-19. Kedudukan kewangan negeri turut meningkat sebanyak RM751 juta kepada RM4.36 billion," katanya.

Amirudin menambah, kejayaan itu merupakan hasil tekad, usaha, dan komitmen seluruh pasukan termasuk semua kakitangan pihak berkuasa tempatan.

Selangor langcai hutang persekutuan

SHAH ALAM - Selangor berjaya melunaskan sepenuhnya liabiliti hutang berjumlah RM21.09 juta dengan kerajaan persekutuan seperti yang dijanjikan tahun lalu.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan jumlah itu membabitkan baki ansuran akhir Projek Bekalan Air dan Skim Amanah Saham Selangor (ASAS).

"Inilah komitmen pentadbiran ini untuk bukan sahaja merancang tetapi mampu melaksanakan ikhtiar," katanya.

Menurut Amirudin, ia membuka ruang meneruskan strategi hasil baharu dengan penglibatan anak syarikat, badan berkanun dan agensi negeri melalui agihan sumbangan dan dividen.

Katanya, Menteri Besar Selangor (Pejabatbadanan), Lembaga Urus Air Selangor, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor dan Worldwide Holdings Berhad menyumbangkan RM30 juta setakat ini.

IMBAS DI SINI
akhbar digital minggu lepas

Sasar kekal peneraju ekonomi negara

SHAH ALAM - Rancangan Selangor Pertama (RS-1) sebagai panduan hala tuju dan pembangunan dasar negeri bagi tempoh lima tahun bermula 2021 hingga 2025 akan disambung kepada RS-2.

Dato' Menteri Besar berkata ia berikutan kejayaan negeri mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 7.43 peratus melebihi sasaran asal 6.5 hingga 7.0 peratus.

Menurut Dato' Seri Amirudin Shari, RS-2 bertunjangan kerangka RS-1 akan diteruskan untuk tempoh 2026 hingga 2030 dengan sasaran mengekalkan Selangor sebagai pene-

raju ekonomi negara.

Beliau menjelaskan ia juga bagi meningkatkan lagi nilai sumbangan KDNK negeri kepada KDNK negara dan masih menekankan pembangunan seimbang setiap daerah merentasi seluruh negeri.

"RS-2 juga akan terus memantau status pelaksanaan program, projek dan inisiatif (PPI) dan 20 pemacu perubahan serta pencapaian 16 makro indikator dalam Kajian Separuh Penggal RS-1," katanya.

Beliau berkata RS-2 mencapai matlamat, pembangunannya akan diselaraskan dengan Rancangan Malaysia ke-13, termasuk mengadakan sesi li-

bat urus bersama pemegang taruh dan pihak berkepentingan.

Dalam pada itu, Amirudin menambah sebanyak RM3.5 juta turut dipe-runtuk bagi penyediaan dokumen RS-2 melibatkan kajian, sesi libat urus, bengkel, promosi dan dokumentasi.

"Anggaran garis masa pembangunan RS-2 adalah 15 bulan bermula Januari 2025 sehingga pembentangan dalam sidang Dewan yang dijadualkan sekitar Februari 2026," katanya.

Tahun lalu, Selangor menyumbang 25.9 peratus kepada KDNK dengan nilai aktiviti ekonomi berjumlah RM406.1 bilion sekali gus menjadi negeri pertama melebihi paras nilai RM400 bilion.

Teruskan pembangunan negeri

Sedia RM3 bilion, tumpu lima teras

Oleh **AFFEEQA AFEERA ABDUL RASOL**

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor memperuntuk RM3 bilion dalam belanjawan tahun hadapan bagi melaksanakan perbelanjaan mengurus dan meneruskan pembangunan negeri.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata sebanyak RM1.7 bilion atau 56.7 peratus diagih untuk perbelanjaan mengurus, manakala RM1.3 bilion bagi pembangunan.

Bagi peruntukan mengurus, beliau menjelaskan perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan (objek am 2000) merupakan komponen terbesar mencakupi 38.7 peratus daripada jumlah keseluruhan.

"Jumlah ini termasuk pelarasan kenaikan skim gaji penjawat awam, khidmat kawalan keselamatan dan kon-

trak penyelenggaraan melibatkan 26 jabatan dan elau majlis pengurusan komuniti kampung.

"(Ini termasuk) peruntukan elau jawatankuasa dan petugas masjid serta sewaan bangunan ibu pejabat dan sembilan mahkamah rendah syariah," katanya ketika membentang Belanjawan Selangor 2025 pada 15 November.

Dalam pada itu, Amirudin berkata belanja pembangunan pada 2025 meningkat RM100 juta berbanding tahun ini, yang akan menumpukan sektor infrastruktur berbanding sosial.

Jelasnya, kenaikan itu bagi menyokong keterjaminan bekalan air, pengurusan sisa pepejal efisien, naik taraf jalan raya dan saliran bagi Tahun Melawat Selangor 2025 dan Sukan Malaysia 2026.

"Walaupun sektor sosial bukan lagi

tumpuan utama, penekanan program kesihatan dan kebajikan warga emas masih diteruskan selaras hasrat negeri menambah baik sistem perlindungan sosial," katanya.

Bertema Selangor Dinamik: Cita Sempurna Malaysia Madani, belanjawan 2025 digerakkan melalui lima teras utama iaitu:

- kecerdasan buatan dan pemangkin kemajuan ekonomi negeri
- mendukung hasrat alam sekitar mampan dan infrastruktur berkualiti
- memupuk negeri penyayang
- menjuarai tadbir urus cekap dan wibawa
- membugar ekonomi kebudayaan dan pembangunan generasi muda

Infografik lengkap
muka 12 & 13 ►

Kebenaran merancang 14 hari

SHAH ALAM - Selangor bakal memperkenalkan Dasar Speed Selangor bagi memendekkan tempoh kelulusan Kebenaran Merancang (KM) kawasan industri terancang dari 3.5 bulan kepada 14 hari.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata dasar yang dijangka bermula April tahun depan sejajar dengan agenda Kerajaan Negeri untuk memudahcara perniagaan.

"Semua 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah diarahkan untuk melaksanakan penambahbaikan kepada proses dan prosedur.

"Bagi permohonan kebenaran merancang fast track, kesemua PBT akan menyeragamkan prosedur masing-masing dan kelulusan akan dikeluarkan dalam tempoh tujuh hari," katanya pada 15 November.

Membentangkan Belanjawan Selangor 2025, Amirudin berkata Dasar Speed Selangor turut memberi tumpuan kepada industri baharu seperti kecerdasan buatan dan industri sokongan, semikonduktor termasuk elektrik dan elektronik.

Selain itu pembinaan taman industri, perumahan termasuk kate-

gori mampu milik, aeroangkasa serta bidang pembuatan berteknologi tinggi.

Katanya, Selangor ingin menjadi pilihan utama pelabur dalam dan luar negara bukan sahaja di Malaysia tetapi di Asia.

"Ini tidak bermaksud dasar mesra pelabur ini akan mengabaikan rakyat dan komuniti pekerja.

"Dengan memudahcara proses dan kemasukan pelabur kita dapat menawarkan peluang pekerjaan yang lebih berkualiti dan bermaruah dengan lebih pantas," katanya.





Tengku Amir Shah (dua, kiri) bertemu pengurusan tertinggi syarikat Pohang Iron & Steel ketika lawatan di Seoul, Korea Selatan pada 7 November. Mengiringi Baginda Najwan (kiri), Ketua Pegawai Eksekutif Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) Saipolyazan M Yusop (tiga, tengah) dan Ketua Pegawai Eksekutif Invest Selangor Dato' Hasan Azhari Idris (empat, kiri). Foto Facebook Invest Selangor

Pengeluar keluli labur RM440 juta

SHAH ALAM - Selangor menerima pelaburan RM440 juta daripada Pohang Iron & Steel Company (Posco), syarikat pengeluar keluli terkemuka dunia, sejak beroperasi mulai 2008.

Justeru, Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah menghargai kehadiran Posco di negeri ini sejak 16 tahun lalu dan sedia memberi sokongan dalam memastikan pertumbuhan syarikat itu.

Baginda berharap lawatan kerja ke ibu pejabat di Seoul, Korea Selatan baru-baru ini dapat meningkatkan lagi tahap kerjasama seterusnya memberi manfaat kepada negeri dan Posco.

Beroperasi sejak 3 April 2008, syarikat yang dulunya dikenali syarikat besi dan keluli Pohang antara pembekal keluli terkenal dunia.

EXCO Keusahawanan Mohd Najwan Halimi pula memberitahu syarikat tersebut yang menghasilkan produk bermutu tinggi dan teknologi terkini membuka kilang di Rawang dan Pelabuhan Klang.

"Sejak 2008 hingga 2024, nilai pelaburan POSCO di Selangor dianggarkan RM440 juta, kilang milik mereka dibuka di Rawang dan Pelabuhan Klang," katanya yang turut mengiringi Baginda.

Demi keselesaan pelajar Selangor di Mesir

RM54,000 atasi isu bekalan air

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**

KAHERAH - Bantuan RM54,406 dihulur bagi mengatasi masalah bekalan air dan kebersihan yang membelenggu 130 penghuni asrama Selangor di Hayyu Asyir Nasr City di sini sejak setahun lalu.

Menurut Atase Pendidikan Negeri Selangor (Timur Tengah), usaha naik taraf bangunan melalui Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) melegakan penghuni dan pengurusan asrama berkenaan.

Muhammad Zulhusni Abdul Rashid berkata kemudahan di asrama yang terletak kira-kira 18 kilometer dari sini perlu ditambah baik demi keselesaan dan kesihatan anak-anak Selangor.

"Bantuan ini akan digunakan untuk tambah baik fungsi tangki air bagi meningkatkan kapasitinya memandangkan sebelum ini sering berlaku bekalan air terputus di asrama berkenaan.

"Sistem pembersihan sampah juga akan dinaik taraf kerana lokasi itu tidak terurus selain sering diceroboh pemungut sampah haiwan seperti anjing dan kucing selain pembiakan tikus.

"Kita bercadang naik taraf sistem pembentungan untuk elak limpahan kumbahan sekitar bangunan, mengamibil kira sistem sedia ada tidak dapat tam-

pung kapasiti penghuni yang bertambah," katanya.

Beliau menerima cek cura bantuan itu dalam majlis perasmian Konvensyen Mahasiswa Selangor Timur Tengah yang disampaikan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari pada 5 November.

Amirudin turut menyerahkan sumbangan negeri RM10,000 kepada Majlis Perundingan Mahasiswa Malaysia dan bantuan kegiatan pembangunan akademik anak Selangor sumbangan Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor.

Sementara itu, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj menasihati mahasiswa di Timur Tengah supaya tekun dan menamatkan pengajian dengan cemerlang.

Amirudin yang menyampaikan nasihat Baginda juga menegaskan kepentingan tradisi pengembangan ilmu dan pengetahuan yang digembleng sekian lama berlangsung dengan cukup pesat.

"Kita mahukan tradisi pengembangan ilmu dan pengetahuan yang sekian lama wujud digembleng dengan cukup pesat.

"Tuanku nasihatkan (penuntut) dapat habiskan pelajaran dengan cemerlang selain bersungguh-sungguh cari pengalaman yang baik," katanya di depan lebih 200 mahasiswa pada 6 November.

7% DISKAUN BUMIPUTERA

Bumiputera Lot Untuk Dijual

- ✓ **RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT**
- ✓ **SAIZ LOT 40'X80'**
- ✓ **4+1 BILIK TIDUR**
- ✓ **5 BILIK AIR**

*TERTAKLUK TERMA & SYARAT

HAK MILIK INDIVIDU

DIJANGKA SIAP PADA JANUARI 2025

TAMAN GREENHILL

@Seksyen U10 Shah Alam

Harga Jualan

RM1,148,000 - RM1,442,000
(min) (maks)



A DEVELOPMENT BY

EH
PROPERTY
Build to Create Your Future

ENG HAN GROUP
31, Jalan SS 4C/5, Taman Rasa Sayang,
47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
T: 03 78046682 F: 03 78046681 W: ehproperty.com.my

012 732 5843
010 2121 388

Pemaju: Eng Han Property Sdn Bhd (200301030112(632532-H)) • No. 31, Jalan SS4C/5, Taman Rasa Sayang, 47301, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan • No Telefon: 03-78046682 • No Faks: 03-78046681 • No. Lesen Pemaju: 10437/02-2028/0438(A) • Tempoh Sah: 15/02/2023-14/02/2028 • No. Permit Iklan dan Jualan: 10437-7/06-2026/0556(N-L) • Tempoh Sah: 24/06/2024-23/06/2026 • Pegangan Tanah: Pajakan • Tempoh Pajakan: 99 tahun • Tarikh Tamat Tempoh: 3 Disember 2105 • Sekatan Kepentingan: Tanah ini tidak boleh dipindahtanah, dipajak atau dicagar melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri • Bebanan Tanah: Tiada • Tarikh Dijangka Siap: September 2026 • Jenis Pembangunan: 2 Tingkat Rumah Berkembar • Harga Jualan: RM 1,148,000 (min) - RM 1,442,000 (maks) • Jumlah Unit: 20 unit • Baki Unit: 13 unit • Luas Binaan: 3,036 kps • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan Pelan Pembangunan: Majlis Bandaraya Shah Alam • No. Kelulusan Pelan Pembangunan: MBSA/BGN/BB/600-1(PB)/SEK.U10/0013-2023 • Diskaun Bumiputera: 7%

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

Tampal lebih 25,000 jalan berlubang

SHAH ALAM - Syarikat penyelenggara jalan negeri, Infrasel Sdn Bhd (Infrasel) menampal 25,125 jalan berlubang setakat 30 September, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau menjelaskan kerja baik pulih berkenaan hasil tinjauan mandiri selain 259 aduan rakyat yang diterima Infrasel sebagai antara ikhtiar demi memastikan jalan raya sentiasa terjaga.

"Apabila jalan dikenal pasti bawah Infrasel bukan pihak berkuasa tempatan atau Jabatan Kerja Raya, maka proses pembaikan akan dilaksanakan," katanya di Facebook pada 6 November.

Peruntukan RM20 juta disediakan bagi Projek Turapan Mega 2.0 pada tahun ini. Orang ramai boleh membuat aduan dengan menulis dalam laman X bersama hashtag #INFRASEL #NamaJalan #Daerah.

Kenali kaedah pembelajaran lain

KAHERAH - Konvensyen Mahasiswa Selangor Timur Tengah 2024 disifatkan wadah terbaik untuk peserta mengenali kaedah pembelajaran dari universiti lain bagi mengembangkan pemikiran.

Penuntut Universiti Al-Azhar Ibn Qayyum Ibn Mais, 22, berkata persidangan yang mengumpulkan lebih 200 mahasiswa dianggap medium berkongsi pandangan dalam pembentangan kertas kerja.

"Selain berpeluang mengenali antara satu sama lain, kami dapat tahu cara pembelajaran di universiti masing-masing, seterusnya bertukar ilmu yang ada untuk dijadikan bahan ilmiah.

"Program ini wajar diteruskan setiap tahun kerana boleh jadi pembentukan untuk generasi Selangor suatu hari nanti," kata pelajar tahun empat jurusan syariah Islamiyyah itu.

Nur Nabihah Kamarul, 23, pula menyifatkan makalah atau karya ilmiah yang diterbitkan dalam edisi kali ini lebih meluas termasuk merangkumi aspek turath serta kontemporari.

"Mahasiswa dapat kembangkan pemikiran mereka dan berfikir daripada sudut pandang berbeza," katanya.

Bagi pelajar tahun dua jurusan syariah Islamiyyah Ahmad Danial Khairuddin, 20, pula, konvensyen tersebut mendedahkan beliau kaedah membuat dan membentangkan kertas kerja.

Seru pelajar Islam tumpu ekonomi

KAHERAH - Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menyeru mahasiswa pengajian Islam di Universiti Al-Azhar supaya terlibat secara langsung dalam bidang tertentu termasuk pengajian ekonomi.

Beliau memberitahu bidang lain yang harus diberi tumpuan kelompok itu untuk dikembangkan lagi antaranya perbankan Islam dan industri halal selepas mereka tamat pengajian.

Namun, Amirudin menjelaskan tiada masalah jika mahasiswa tetap memilih disiplin agama sebagai kerjaya termasuk menjadi pensyarah atau pegawai pusat berkuasa.

"Ada mahu jadi guru agama atau

pensyarah, saya tiada masalah. Kesenangan atau kefahaman agama jauh lebih besar berbanding 20 tahun dahulu. Saya akui tetapi cabarannya jauh lebih luas.

"Ini mungkin bidang yang belum dipelopori atau dikembangkan pelajar Timur Tengah," katanya dalam sesi dialog bersama 100 mahasiswa Dewan Malaysia Abbassiyah Kaherah pada 6 November.

Dalam program berasingan, EXCO agama Islam berhasrat untuk mewujudkan kelab kerjaya kepada mahasiswa dan membekal latihan kemahiran tertentu sebelum mereka memasuki dunia pekerjaan.

Berdialog dalam Konvensyen Mahasiswa Timur Tengah, Dr Mohammad Fahmi Ngah berkata pelajar berkenaan bakal menerima bimbingan kemahiran dalam talian daripada tenaga pengajar di Malaysia.

"Ia lebih kepada persediaan ke alam pekerjaan. Mungkin ada agensi atau syarikat Kerajaan Negeri tawar terus kerja, tidak boleh tunggu lama. Mana hendak kerja, boleh kerja terus.

"Kemahiran itu akan disesuaikan dengan keperluan jawatan," katanya sambil menambah latihan meliputi penggunaan teknologi maklumat, penguasaan bahasa atau elemen pengurusan asas.

Lonjak pendapatan PKS

Sektor e-dagang catat RM400 bilion

Oleh **FITRI HAZIM HAZAM & DANIAL DZULKIFLY**

KUALA LUMPUR - Selangor menjana nilai transaksi hampir RM400 bilion dalam sektor e-dagang pada tahun lalu sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai pemain utama ekonomi digital.

EXCO Pelaburan Ng Sze Han menjelaskan program latihan dan bimbingan yang diperkenal melalui Selangor E-Commerce Xccelerator 2024 (ECX24) turut menyokong pertumbuhan sektor tersebut.

Katanya, program seperti ECX24 berperanan menyokong sektor e-da-

gang dengan menjadikan perusahaan kecil dan sederhana berdayasaing serta berupaya mencapai tahap lebih tinggi.

"Ekonomi digital akan menjadi penyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar," katanya dalam penutupan ECX24 anjuran Perbadanan Teknologi Maklumat dan Ekonomi Digital Selangor (Sidec) di ibu negara pada 6 November.

Sebanyak 10 syarikat PKS diumumkan pemenang Selangor ECX24 di ibu negara pada 6 November. Selain menerima wang tunai, pemenang dibawa melawat ke ibu pejabat Byte-

Dance's di Shanghai, China.

Mereka ialah Wellness Cosmetology Alliance Lab Sdn Bhd, Nasi Lemak Nale Sdn Bhd, Ominent Sdn Bhd, Eartheries Sdn Bhd, Gelatomio Production Sdn Bhd, Saudagaar Asia Sdn Bhd, Kimyra International Sdn Bhd, Natugee Sdn Bhd, MC-CKT Ventures Sdn Bhd dan Naza Beyond Ventures.

Dalam majlis sama, Ketua Pegawai Eksekutif Sidec Yong Kai Ping memberitahu Selangor bersungguh-sungguh untuk meneroka inovasi dalam teknologi runcit dan perdagangan digital.



Sekretariat perkukuh kerjasama

GOMBAK - Sekretariat Kerajaan Perpaduan Negeri Selangor dibentuk bagi memperkukuh lagi kerjasama antara Pakatan Harapan (HARAPAN) dan Barisan Nasional (BN).

Pengerusi HARAPAN Selangor Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu pelbagai perkara termasuk pentadbiran dan urusan antara parti dalam Kerajaan

Perpaduan dapat dipererat.

Katanya, sekretariat itu mengatur beberapa program bersama hingga pilihan raya termasuk pemukiman bersama Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk mengukuh hubungan sedia ada.

"Kerjasama akan terus dipererat hingga pilihan raya dengan menggunakan modul peringkat pusat ke Sela-

ngor," katanya pada 9 November.

Pada 7 November, Setiausaha Perpaduan Negeri Dr Mohd Khairuddin Othman mempengerusi mesyuarat pertama bagi membincangkan penubuhan jawatankuasa sekretariat dan gerak kerja untuk menyatupadukan parti bawah Kerajaan Perpaduan di Selangor.

WAKTU SOLAT 14-20 NOVEMBER 2024 12-18 JAMADILAWAL 1446H	Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang								Klang dan Kuala Langat								Sabak Bernam dan Kuala Selangor							
		Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak		Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak		Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
	14 Khamis	5:38	5:48	6:57	1:00	4:22	6:58	8:11		5:38	5:48	6:58	1:01	4:23	6:59	8:12		5:41	5:51	6:59	1:03	4:24	7:00	8:13
	15 Jumaat	5:39	5:49	6:57	1:01	4:22	6:59	8:11		5:39	5:49	6:58	1:01	4:23	7:00	8:12		5:41	5:51	6:59	1:03	4:25	7:00	8:13
	16 Sabtu	5:39	5:49	6:57	1:01	4:23	6:59	8:11		5:39	5:49	6:58	1:01	4:23	7:00	8:12		5:41	5:51	6:59	1:03	4:25	7:00	8:13
	17 Ahad	5:39	5:49	6:57	1:01	4:23	6:59	8:12		5:39	5:49	6:58	1:02	4:24	7:00	8:13		5:41	5:51	6:59	1:03	4:25	7:01	8:13
	18 Isnin	5:39	5:49	6:58	1:01	4:23	6:59	8:12		5:39	5:49	6:58	1:02	4:24	7:00	8:13		5:42	5:52	7:00	1:04	4:25	7:01	8:13
	19 Selasa	5:39	5:49	6:58	1:01	4:23	6:59	8:12		5:39	5:49	6:59	1:02	4:24	7:00	8:13		5:42	5:52	7:00	1:04	4:26	7:01	8:14
	20 Rabu	5:39	5:49	6:58	1:02	4:24	6:59	8:12		5:39	5:49	6:59	1:02	4:24	7:00	8:13		5:42	5:52	7:00	1:04	4:26	7:01	8:14

Bangun pusat inkubator AI, lonjak ekonomi

SELANGOR bakal membangunkan Pusat Inkubator kecerdasan buatan (AI) yang menawarkan program pendidikan dan persijilan tertentu dalam teknologi berkenaan.


Dato' Menteri Besar mencadangkan pusat itu dikendali Pusat Pembangunan Kemahiran dan Teknikal Selangor (STDC) menerusi Pusat Kecemerlangan Inovasi Antarabangsa Selangor.

"Keseluruhan peruntukan untuk kesemua inisiatif AI ini adalah berjumlah RM5 juta. Ini mencerminkan komitmen bagi menyiapkan Selangor memasuki gerbang AI.

"Kerajaan Negeri turut bersedia untuk bekerjasama dengan penyedia perkhidmatan AI lain bagi meluaskan skop AI di Selangor," kata Dato' Seri Amirudin Shari.

Selain Pusat Inkubator AI Selangor, Kerajaan Negeri turut membangunkan Program AI Trailblazer Google, yang dikenali sebagai Inisiatif AI Trailblazers, inisiatif mempromosi inovasi AI generatif dalam sektor perniagaan dan awam.

Amirudin menegaskan AI dijangka memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan ekonomi Selangor pada masa hadapan malah teknologi itu mampu meningkatkan



**PEMBANGUNAN PUSAT
INKUBATOR AI SELANGOR
RM 5 JUTA**

produktiviti, memperbaiki perkhidmatan awam dan mendorong inovasi dalam sektor utama.

"AI dijangka memberi impak besar kepada sektor pembuatan Selangor, khususnya dalam memaksimumkan proses pengeluaran, memperbaiki pengurusan rantai bekalan, dan meningkatkan kualiti produk," katanya.

Jajaran rel rentas Sepang, Negeri Sembilan

JAJARAN Rel Kita Selangor akan dibina membabitkan laluan Sabak Bernam merentasi Sepang hingga Negeri Sembilan, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata laluan sepanjang 211 kilometer (km) akan turut disokong beberapa laluan iaitu ke Pelabuhan Barat, Klang, Putra Heights dan Universiti Selangor, Bestari Jaya.

"Kerajaan Negeri sedang mengenal pasti kebolehlaksanaan cadangan tersebut melalui satu kajian yang dijangka akan selesai pada Januari 2025.

"Pembinaan Jajaran Rel Kita Selangor kelak dijangka dapat memberi dampak positif yang ketara dari aspek fizikal dan sosio ekonomi di Selangor."

Amirudin menjelaskan penyediaan berkenaan merupakan inisiatif Kerajaan Negeri untuk menyediakan

sistem pengangkutan awam sekali gus membantu ke arah karbon sifar.

"Projek ini dijangka dapat merangsang pertumbuhan ekonomi di sepanjang koridor jajaran serta memberi manfaat kepada Selangor dalam jangka masa panjang dan pendek.

"Ia juga dijangka membuka banyak peluang pekerjaan kepada penduduk setempat selain menyokong aktiviti pembinaan sektor seperti perhotelan, perdagangan dan logistik," katanya.

Sebelum ini, Kerajaan Negeri mengumumkan kajian kebolehlaksanaan Jajaran Rel Kita Selangor di pantai barat negeri melalui peruntukan RM3 juta.

Jajaran itu dari Klang ke Kuala Selangor, Tanjong Karang dan Sabak Bernam serta meneroka potensi laluan sedia ada dari Kuang ke Kuala Selangor.

Rizab negeri kukuh, cecah RM4.37 bilion

PRESTASI kewangan negeri berada pada tahap baik dengan kedudukan rizab semasa mencecah RM4.37 bilion setakat 7 November, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau menjelaskan pertambahan sebanyak RM751.46 juta berbanding akhir tahun lalu selaras perancangan belanjawan yang diluluskan bagi mensejahterakan ekonomi dan kehidupan rakyat.

"Sehingga 7 November, belanja pembangunan mencapai 69.81 peratus, manakala belanja mengurus mencatatkan 80.57 peratus," katanya.

Beliau berkata hasil negeri mencapai kutipan RM2.429 bilion bersamaan 110.43 peratus setakat 13 November lalu, daripada anggaran hasil tahun ini sebanyak RM2.2 bilion.

Jelas Amirudin, hasil cukai merekod kutipan RM704.95 juta, hasil bukan cukai (RM1.497 juta), terimaan bukan hasil (RM226.55 juta) dalam tempoh sama.

RM20 juta galak pelaburan

SEJUMLAH RM20 juta diperuntuk bagi program penggalakan pelaburan sekali gus mengekalkan pertumbuhan sektor perkilangan dan perkhidmatan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri.

Antara aktiviti tersebut menurut Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari, adalah penyertaan Ekspo Dunia 2025 di Osaka Jepun selain penganjuran Sidang Kemuncak Niaga Selangor(SIBS) dan Pameran Udara Selangor (SAS).

Pada 2 Julai, dilaporkan sumbangan ekonomi Selangor kepada KDNK meningkat kepada 25.9 peratus pada 2023, bertambah lebih baik daripada 25.5 peratus tahun sebelumnya.

Pertumbuhan ekonomi negeri ini juga meningkat sebanyak 5.4 peratus, melebihi pertumbuhan sederhana seluruh negara pada kadar 3.6 peratus tahun lalu, menurut data Jabatan Perangkaan Malaysia.

PENGARANG BERITA

Afeeqa Afeera Abdul Rasol

PENOLONG PENGARANG

Afix Redzuan, Naeem Raffi, Khairul Azran Hussin, Hafizan Taib, Norzilawati Sidek, Nur Aishah Mohd Amin dan Fuad Hadinata Yaacob

WARTAWAN

Nadiah Zamlus, Nazli Ibrahim, Sheeda Fathil, Norrasyidah Arshad, Suhaila Shahrul Annuar, Siti Rohaizah Zainal, Sofia Nasir, Abdul Rahim Sabri dan Fitri Hazim Hazam

JURUFOTO

Hafiz Othman, Ahmad Zakki Jilan, Fikri Yusof, Remy Ariffin Nur Adibah Ahmad Izam, Mohd Khairul Helmy Mohd Din dan Harun Tajudin

GRAFIK

Azwa Malek, Azarina Aziz dan Farah Azila Mustapha

Perkasa TVET, lahir pekerja mahir



SEJUMLAH RM13.65 juta diperuntuk untuk program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Iktisas Smart Selangor (IKTISASS) pada tahun hadapan.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata peruntukan itu bagi memastikan pembangunan Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (TVET) mencapai matlamat sekali gus melahirkan tenaga kerja mahir.

"Penambahbaikan lain adalah Program Selangor Industrial Internship (SISPRO) yang mula diperkenalkan pada 2024 dengan memberi bantuan secara sekali bayar kepada mahasiswa yang sedang menjalani latihan industri.

"Insentif ini akan memberi manfaat kepada 200 pelajar setahun dengan peruntukan keseluruhan RM200,000," katanya.

Jelas Amirudin, lebih 450 pelajar menamatkan pengajian di Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Negeri Selangor (STDC) bagi kursus Sijil Kemahiran Malaysia dan beberapa sijil lanjutan.

Bantu pelajar lanjut pengajian

SEBANYAK RM10 juta diperuntuk bagi membantu pelajar dan mahasiswa melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi memabitkan geran penyelidikan, pembiayaan serta biasiswa.

Dana itu memabitkan Geran Penyelidikan Negeri Selangor dengan peruntukan RM1 juta, Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (RM8 juta) dan program BITARA (RM1 juta).

Dato' Menteri Besar memaklumkan geran penyelidikan khusus kepada penyelidik universiti awam bagi menggalakkan kajian terkini khususnya dalam bidang teknologi dan memberi manfaat.

"Kerajaan Negeri komited untuk meneruskan program ini untuk memberi peluang kepada anak-anak Selangor melanjutkan pengajian ke universiti terkemuka dunia. Kerajaan Negeri meneruskan insentif pembiayaan pendidikan sebanyak RM8 juta bagi memastikan kebajikan mahasiswa terjamin," kata Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau turut menjelaskan program BITARA dijangka akan ditambah baik daripada modul sebelumnya sekali gus melahirkan pelajar serba boleh dan cemerlang dalam pelbagai aspek.



Tambah dana tuisyen percuma, kuasai 3M

PROGRAM Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) yang berjaya meningkatkan pencapaian pelajar sekolah menengah akan diperluas ke sekolah rendah dengan peruntukan RM1 juta.

Dato' Menteri Besar berkata program itu akan membantu murid sekolah rendah menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M) menerusi Program Literasi & Numerasi.

Jelas Dato' Seri Amirudin Shari, pelaksanaan program itu kesan daripada renjatan sistem pembelajaran ketika era pandemik hingga berlaku masalah keciciran.

"Ini dibuktikan lagi dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek iaitu sejumlah 5.65 peratus murid sekolah rendah di seluruh negara masih belum mampu menguasai kemahiran asas 3M.

"Di Selangor, hampir 25,000 murid terlibat dalam kelas-kelas pemulihan di sekolah-sekolah. Program ini kelak akan selari dengan program Intervensi Kurikulum di bawah Agenda Reformasi Pendidikan yang telah dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia."

Pada 7 Oktober, Fadhlina memuji

tekad luar biasa Selangor memberi keutamaan dalam aspek pendidikan melalui pelbagai usaha wajar dicontohi negeri lain.

Mengambil contoh PTRS, beliau berkata program itu membuah hasil apabila Selangor mencatatkan pencapaian lebih baik dengan Gred Purata Negeri dalam Sijil Pelajaran Malaysia 2023.

"Kejayaan PTRS ini sebagai sebuah ekosistem yang dibina bukan saja untuk melihat satu aspek pendidikan tetapi sistem akademik secara keseluruhan," katanya.

RM26.5 juta tingkat kemudahan sekolah

PROGRAM Bantuan Sekolah Negeri Selangor diteruskan tahun depan melibatkan peruntukan sebanyak RM26.5 juta.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata RM259.3 juta dibelanjakan dengan purata 1,000 sekolah menerima manfaat setiap tahun sejak ia diperkenalkan pada 2009 hingga kini.

"Program Bantuan Sekolah Negeri Selangor merupakan program bantuan bagi membaik pulih infrastruktur sekolah dan membantu menyediakan persekitaran yang kondusif," katanya.

Sekolah yang layak memohon Program Bantuan Sekolah Negeri Selangor termasuk sekolah kebangsaan, sekolah menengah kebangsaan dan sekolah mubaligh.



Antara lain sekolah agama rakyat atau sekolah rendah agama integrasi yang berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Selangor dan maahad integrasi tahfiz sains.

Selain itu, sekolah jenis kebangsaan Cina, Tamil, sekolah menengah jenis

kebangsaan dan sekolah menengah persendirian Cina.

Permohonan melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru atau Lembaga Pengelola Sekolah secara dalam talian menerusi laman sesawang www.ssipr.selangor.gov.my

Bina loji Sungai Rasau fasa dua tahun depan

PROJEK pembinaan loji rawatan air (LRA) Sungai Rasau fasa dua dengan kos RM2.12 bilion dijangka bermula tahun depan dan siap dalam tempoh 36 bulan.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata projek berkenaan sebahagian ikhtiar meningkatkan rizab bekalan air di wilayah Petaling dan Kuala Langat yang memanfaatkan 2.15 juta pengguna.

"Projek LRA Sungai Rasau peringkat satu sedang berjalan dengan kapasiti 700 juta liter sehari (JLH) akan membekalkan air ke wilayah Klang dan memanfaatkan seramai 2.15 juta pengguna.

"Sebagai kesinambungan, LRA Sungai Rasau peringkat dua akan dibina dengan kapasiti tambahan 700JLH bakal membekalkan air ke wilayah Petaling dan Kuala Langat dan memanfaatkan seramai 2.15 juta pengguna," katanya.

Tambahnya, dana sebanyak RM189.6 juta diperuntuk tahun depan termasuk RM150 juta oleh Pengurusan Aset

Air Berhad (PAAB) merangkumi 39 kerja pemulihan dan pembaikan loji rawatan air utama.

"Bagi Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) memperuntukkan RM39.6 juta yang merangkumi 25 kerja

pemulihan dan pembaikan di LRA terpilih di seluruh negeri," katanya.

Pembinaan LRA Sungai Rasau yang dilancar tahun lalu bakal menjadi loji paling besar dan termaju di Asia Tenggara dengan kemampuan menghasilkan bekalan air bersih sebanyak 1,400 JLH.

LRA Sungai Rasau merupakan sebahagian daripada projek Skim Bekalan Air Rasau yang merangkumi sembilan bekas kolam perlombongan bijih timah dengan keluasan 489 hektar.

Skim yang dijangka siap sepenuhnya pada 2030 itu turut berfungsi sebagai Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) dwifungsi pertama di negara ini dengan keupayaan pembekalan air serta tebatan banjir.



**PROGRAM PEMULIHAN
DAN PEMBAIKAN
LOJI RAWATAN AIR**



RM34.27 juta urus projek tebatan banjir

SEJUMLAH RM34.27 juta diperuntuk bagi memastikan keberkesanan pengurusan pembangunan projek tebatan banjir di beberapa lembangan sungai utama negeri, tahun depan.

Dato' Menteri Besar berkata projek berkenaan perlu dilaksana segera terutama di lembangan Sungai Klang bagi mengatasi risiko banjir kilat atau monsun susulan pembangunan pesat di kawasan itu.

"Projek tebatan banjir ini juga akan dilaksanakan secara sinergi bersama projek di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan bagi mencapai keberkesanan lebih menyeluruh dalam

menangani isu banjir di Selangor," kata Dato' Seri Amirudin Shari ketika membentangkan Belanjawan Selangor 2025.

Berikut senarai lembangan sungai utama yang terlibat:

- lembangan Sungai Klang (RM18.7 juta)
- lembangan Sungai Langat (RM9.3 juta)
- lembangan Sungai Selangor (RM3.2 juta)
- lembangan Sungai Buloh (RM1 juta)
- beberapa lembangan termasuk Sungai Bernam dan Sungai Kapar Besar (RM1.2 juta)



**PROJEK PEMULIHARAAN
KUALITI AIR
LEMBANGAN SUNGAI**

Tahun lalu, Kerajaan Negeri memperuntuk RM65 juta bagi pembangunan projek tebatan banjir, pembangunan saliran, pembangunan sumber air dan hidrologi, pengurusan saliran mesra alam dan pembangunan pantai melibatkan 103 program.

Sedia bangunkan pelan induk urus air

SEJUMLAH RM2 juta disediakan bagi membangunkan Pelan Induk Pengurusan Air Negeri Selangor, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata pelan induk bawah projek Skim Jaminan Air Mentah (SJAM) dijadual siap pada 2026 sebagai persediaan menghadapi kemarau.

"Pelan Induk Pengurusan Air Negeri Selangor akan dibangunkan bagi memastikan hala tuju pengurusan air yang mampan meliputi pengurusan banjir, air mentah, air terawat, air kumbahan termasuk penggunaan tenaga lestari."

Selain itu, dana RM12 juta diperuntuk bagi membiayai baki kerja-kerja infrastruktur di Sungai Selangor dan Sungai Semenyih manakala RM1 juta bagi penyediaan hak milik sambungan tanah-tanah yang terlibat dalam projek pembangunan loji Labohan Dagang.



**PROJEK NAIK
TARAF JALAN**

RM50 juta teruskan turap jalan

PROJEK Turapan Mega bagi meningkatkan kualiti jalan raya di seluruh Selangor diteruskan tahun depan dengan peruntukan RM50 juta, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata Kerajaan Negeri sentiasa peka terhadap aduan rakyat berhubung kerosakan jalan yang berisiko kepada keselamatan dan keselesaan pengguna.

"Bagi menangani isu tersebut Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program Turapan Mega dengan peruntukan sebanyak RM50 juta pada 2023 dan RM20 juta pada 2024.

"Meneruskan momentum kejayaan program ini dan meningkatkan kecekapan pelaksanaannya, Kerajaan Negeri bercadang memperuntukkan sejumlah RM50 juta bagi pelaksanaan program ini pada 2025," katanya.

**TABUNG PENYELESAIAN STRATA****Dana awal selesai isu strata**

SEJUMLAH RM10 juta diperuntuk sebagai dana awal Tabung Penyelesaian Strata di Selangor tahun depan, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata peruntukan khas itu dicadang bagi meningkatkan peratusan penyelesaian pembangunan tanpa hak milik strata di Selangor.

"Ini khususnya skim yang tidak layak untuk memohon peruntukan daripada tabung khas hak milik strata.

"Dianggarkan RM100 juta diperlukan dalam tempoh 10 tahun untuk penyelesaian keseluruhan skim strata yang telah dikenal pasti di seluruh Selangor," katanya membentangkan Belanjawan 2025.

Amirudin berkata Kerajaan Negeri memperuntuk tambahan RM4.5 juta tahun depan untuk terus menampung kerja baik pulih dan senggara bawah projek Skim Ceria.

Selain itu, program Rewang Komuniti Strata anjuran Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor di pangsapuri kos rendah diteruskan dengan peruntukan RM300,000.

Bangunkan ladang solar skala besar

LADANG solar berskala besar di Bernam Jaya dengan kapasiti 150MWp bakal dibangunkan di bawah Projek Solar: Payung, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata projek tersebut melibatkan kerjasama antara Worldwide Holdings Berhad (WHB) dan TNB Renewables Sdn Bhd, anak syarikat Tenaga Nasional Berhad.

"Dalam projek solar berskala besar itu WHB turut menyertai bidaan Large Scale Solar pusingan ke-5 (LSS5) dengan kapasiti melebihi 500MWp.

"Jika berjaya dimenangi, projek itu akan turut membawa masuk pelaburan langsung asing (FDI) ke Selangor," katanya.

Pembangunan taman solar berskala besar antara inisiatif yang digariskan dalam Rancangan Selangor Pertama (RS-1) bagi menghasilkan tenaga boleh diperbaharui dalam usaha menangani isu perubahan iklim.

Kerajaan Selangor sebelum ini turut mengenal pasti lokasi untuk membina ladang solar berskala besar, terutamanya di kolam-kolam terbiar serata negeri.

**TAMAN RAKYAT MADANI**

SELANGOR memperuntuk RM6 juta untuk membina dan menaik taraf taman awam menjadi Taman Rakyat Madani di semua pihak berkuasa tempatan tahun depan, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata Kerajaan Negeri juga akan memohon geran padanan RM6 juta dari Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi tujuan tersebut.

"Selain daripada fasiliti asas serta kemudahan seperti wi-fi, taman-taman ini boleh ditambah baik dengan kemudahan sukan, pusat kitar semula, ruang perbincangan, tempat untuk buskers, kawasan penganjuran tayangan filem serta muzik.

"Malah, kawasan hijau yang lebih luas dan tempat-tempat rekreasi berkonsepkan alam sekitar akan diperkenalkan bagi meningkatkan daya tarikan dan keberkesanan taman awam sebagai pusat aktiviti masyarakat," katanya.

Sebelum ini, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menerusi



Belanjawan 2025 memaklumkan kerajaan akan terus menggembeng usaha memastikan persekitaran projek perumahan rakyat lebih manusiawi termasuk menaiktaraf 48 Taman Rakyat Madani meliputi kawasan rekreasi di bandar dan pekan kecil.

Dalam pada itu, Amirudin memaklumkan dana RM2 juta turut diperuntuk bagi pelaksanaan projek selenggara kemudahan awam desa dan baik pulih jalan luar bandar.

"Kerajaan Negeri akan memberi keutamaan kepada projek intervensi untuk membaik pulih dan menaik taraf infrastruktur usang dan daif khususnya

balai raya, dewan orang ramai dan kemudahan awam lain disamping membantu dalam penyediaan pusat komuniti dan kemudahan awam yang berkualiti untuk manfaat warga desa pelbagai lapisan umur.

"Bagi meningkatkan keterhubungan bandar dengan luar bandar dan antara desa, Kerajaan Negeri akan terus bekerjasama dengan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah untuk meningkatkan liputan jalan berturap menambah lampu jalan solar dan memulakan projek rintis pembinaan panel solar bagi bekalan elektrik di desa," katanya.

RM500,000 pelan bandar rendah karbon

SEJUMLAH RM500,000 diperuntuk bagi penyediaan Pelan Induk Net Zero Cities 2050 bertujuan mewujudkan bandar dan penempatan yang inklusif, selamat, berdaya huni dan mampan.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata peruntukan tahun depan itu sejajar dengan matlamat pembangunan mampan (SDG) ke-11 iaitu kemampanan bandar dan komuniti.

"Pentadbiran ini telah melaksanakan ikhtiar perbandaran hijau menerusi Kerangka Bandar Rendah Karbon yang digunapakai dalam perancangan dasar di semua pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Pelaksanaan bandar rendah karbon ini akan dapat mengukur tahap pengeluaran karbon semasa dan mengenal pasti sasaran bagi setiap perbandaran serta membantu PBT

**PELAN INDUK NET ZERO CITIES 2050**

menetapkan strategi pengurangan karbon dan seterusnya mengukur prestasi tindakan bagi setiap perbandaran," katanya.

Dalam pada itu, Amirudin memaklumkan Kerajaan Negeri juga bakal melaksana dasar peralihan tenaga, Agenda Ekonomi Hijau Selangor (SAGE) dengan dana RM500,000.

"SAGE bukan hanya dokumen yang mengandungi langkah untuk

memenuhi sasaran sifar karbon, tetapi satu gabungan strategi dan inisiatif yang berupaya mengubah ekonomi dan kehidupan rakyat.

"Kerajaan Negeri juga berhasrat menjadi peneraju dalam sektor tenaga bersih melalui anak syarikat negeri Worldwide Holdings Berhad (WHB) yang telah diberikan amanah sebagai pelaksana projek-projek tenaga bersih di Selangor.

"WHB juga akan memberi tumpuan kepada pengendalian beberapa projek tenaga boleh baharu di peringkat hulu yang merangkumi projek solar dan hidro di sekitar Selangor," katanya.

Beliau turut memaklumkan Loji Janakuasa Pulau Indah (PIPP), projek pembangunan loji janakuasa Gabungan Turbin Gas Kitaran (CCGT) dijangka beroperasi pada suku pertama tahun depan.

Khairat RM1,000 bantu urus jenazah

SERAMAI 20,000 rakyat negeri ini dijangka menerima khairat kematian berjumlah RM1,000 mulai Jun tahun depan, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata skim Khairat Darul Ehsan melibatkan peruntukan RM20 juta itu dikhaskan kepada individu berusia 50 tahun ke atas serta orang kurang upaya (OKU).

"Satu lagi aspek mencabar dalam kehidupan harian warga emas serta waris adalah kos pengurusan jenazah, pengebumian serta perbelanjaan kecemasan terutama jika individu tersebut adalah pencari nafkah utama

keluarga.

"Khusus bagi warga Selangor, Kerajaan Negeri memperkenalkan program baharu, Khairat Darul Ehsan iaitu bantuan khairat kematian berjumlah RM1,000 bagi semua rakyat berumur 50 tahun ke atas serta warga OKU," katanya.

Sebelum ini, bantuan khairat kematian warga emas melalui Skim Mesra Usia Emas dihentikan pada Mei 2019 sebelum disambung semula pada 2021.

Menerusi belanjawan tahun berkenaan, Amirudin berkata



**KHAIRAT
DARUL EHSAN**

sejumlah RM7.5 juta diperuntukan bagi melayakkan waris berdaftar dengan Yayasan Warisan Anak Selangor menerima RM500 sebagai bantuan.



Peluas operasi Ehsan Mart seluruh DUN

KERAJAAN Negeri menyasar pembukaan 10 premis Pasar Raya Ehsan Mart di seluruh negeri menjelang akhir tahun hadapan, maklum Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata Ehsan Mart diwujudkan bertujuan memastikan golongan berpendapatan rendah di negeri ini terus mempunyai akses secara tetap kepada barangan keperluan asas pada harga berpatutan.

"Ehsan Mart adalah sebuah pasar raya milik kerajaan negeri yang dikendalikan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor dan menawarkan barangan asas pada harga 10 hingga 15 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran," katanya.

Jelas Amirudin, Ehsan Mart dijangka beroperasi di 56 lokasi atau satu premis setiap Dewan Undangan Negeri menjelang akhir 2026.

Kerajaan Negeri turut memperuntuk RM30 juta tahun depan untuk meneruskan program Jualan Ehsan Rahmah bagi membantu meringankan beban kos sara hidup rakyat.



**JAWATANKUASA TETAP
HAL EHWAL ORANG ASLI
DAN MINORITI**

Tingkat kemudahan Orang Asli

SEJUMLAH RM1 juta disediakan bagi memberi tumpuan kepada kebajikan masyarakat Orang Asli khususnya bagi membaik pulih kediaman mereka.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari berkata, langkah ini bagi memastikan masyarakat Orang Asli mendapat kesejahteraan dan keselesaan dalam arus kemodenan.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut memperuntuk RM1 juta bagi meningkatkan kemudahan di samping mengekalkan keaslian dan keunikan Perkampungan Budaya Mah Meri di Pulau Carey.

Amirudin berkata, ini kerana Perkampungan Budaya Mah Meri di Pulau Carey merupakan salah satu tarikan utama kepada pengunjung serta pelancong dari dalam dan luar Selangor.



Buka dua pusat warga emas baharu

SEBANYAK dua buah lagi Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) bakal dibuka di Kuala Langat dan Hulu Selangor tahun hadapan, kata Dato' Menteri Besar.

Menurut Dato' Seri Amirudin Shari, sebanyak RM400,000 diperuntuk untuk naik taraf kemudahan dan pembelian aset di PAWE Ampang, Paya Jaras, Setia Alam dan Seri Kembangan pada 2025.

"Penubuhan pusat ini disasarkan kepada warga emas yang sihat, dapat menguruskan diri dan merupakan satu perkhidmatan bercorak pendampingan sosial dan pembangunan kepada warga emas.

"Ia melibatkan kerjasama strategik



**PENUBUHAN PUSAT
AKTIVITI WARGA
EMAS BAHARU (PAWE)**

antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan agensi kerajaan yang lain serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO)," katanya.

Katanya, langkah ini merupakan kesinambungan hasrat Kerajaan Negeri

memperuntukkan geran penubuhan PAWE dengan reka bentuk universal yang memberi kesan kepada fizikal, emosi, sosial dan keperluan warga emas setempat.

Sebelum ini, Amirudin merasmikan PAWE Sungai Tua, Gombak bawah pengurusan Majlis Perbandaran Selayang.

Selain itu, RM400,000 disediakan bagi melaksanakan program dan inisiatif berkaitan kesihatan warga emas pada 2025.

Antara program lain bakal dilaksanakan termasuklah saringan kesihatan warga emas dan advokasi serta promosi berkaitan penjagaan gaya hidup sihat.



Ambulans percuma di empat PBT

PERKHIDMATAN Ambulans Kita Selangor secara percuma diperkenal di empat pihak berkuasa tempatan (PBT) sebelum diperluas ke kawasan pentadbiran lain.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata perkhidmatan itu membabitkan kos RM1 juta melalui Tabung Selangor Bangkit.

"Sebagai komitmen bahawa pentadbiran ini bukan sahaja mampu mengumumkan program baharu tetapi mempunyai tekad untuk melaksana.

"Tahun hadapan Kerajaan Negeri menawarkan perkhidmatan Ambulans Kita Selangor secara percuma dengan kerjasama penyedia perkhidmatan sedia ada seperti Persatuan Bulan Sabit Merah dan St John Ambulance Malaysia agar rakyat dapat memanfaatkan perkhidmatan ini bagi tujuan kecemasan tanpa perlu risau pasal kos," katanya.

Beliau berkata komitmen menyediakan khidmat ambulans itu adalah salah satu ikhtiar dalam Lima Tekad Lima Tahun ketika menghadapi pilihan raya negeri tahun lalu.

Sedia 819 unit rumah Smart Sewa

SEBANYAK 819 unit rumah Skim Smart Sewa disediakan tahun depan membabitkan peruntukan RM282.5 juta, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata menerusi skim berkenaan, penduduk ditawarkan menyewa di kawasan selamat dan selesa selain berpeluang menyimpan wang bagi bayaran pendahuluan membeli kediaman sendiri.

"Bayaran sewa juga berpatutan malah mereka juga akan menerima pulangan balik 30 peratus daripada bayaran sewa dibuat," katanya.

Amirudin menjelaskan sejak diperkenalkan, RM480 juta diperuntuk dengan sasaran 3,000 unit bagi membantu golongan berpendapatan rendah (B40) dan berpendapatan sederhana (M40) menyewa pada kadar berpatutan.

"Skim mengutamakan mereka yang belum memiliki rumah atau menghadapi kesukaran mendapat pembiayaan atau pinjaman dalam pemilikan rumah," katanya.


Menjelang 2026, pentadbiran negeri menyasarkan 6,000 unit rumah mampu milik bawah Skim Smart Sewa disediakan bagi membantu rakyat memiliki kediaman.

RM3 juta naik taraf 20 masjid kariah

SEBANYAK 20 masjid kariah akan dinaik taraf menjadi masjid pengurusan tahun depan melibatkan implikasi kewangan berjumlah RM3 juta.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata transformasi itu menunjukkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri serta Majlis Agama Islam Selangor dalam memperkasakan institusi masjid untuk kebaikan ummah dan masyarakat.

"Pada 2019, Kerajaan Negeri bersetuju menaik taraf 10 masjid kariah menjadi masjid pengurusan. Sehingga Oktober lalu, Selangor memiliki 65 masjid pengurusan dengan sembilan



NAIKTARAF MASJID

masjid daerah, tujuh masjid Diraja serta 49 masjid yang dinaik taraf.

"Usaha ini dapat meningkatkan kecekapan pentadbiran dan pengurusan kewangan masjid selain memastikan pengimarahannya lebih sistematik. Ketika

ini Selangor memiliki 440 masjid," katanya.

Amirudin berkata masjid kategori pengurusan akan dikendalikan pengurus, penolong pengurus serta dua pembantu pengurus.

Beliau turut mengumumkan peruntukan RM3 juta bagi melaksana kerja naik taraf Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah untuk memastikan keselesaan jemaah.

"Masjid negeri merupakan masjid terbesar di Malaysia yang boleh memuatkan 24,000 jemaah dalam satu masa. Masjid negeri ini mula dibuka pada 12 Mac 1988 dan sudah berusia hampir 40 tahun," katanya.



Perkasa pengajian al-Quran, kitab Turath

SEJUMLAH RM1 juta diperuntuk kepada Akademi Literasi Al-Quran Selangor (ALAS) dan Akademi Turath Selangor bagi memperkasakan pengurusan dan pengajian al-Quran serta kitab Turath.

Dato' Menteri Besar berkata inisiatif bakal menyuburkan semula akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah selain mampu menggalakkan penyertaan penduduk luar bandar dalam program pengajian kitab suci.

"ALAS ditubuh sejak 2022 di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (MSSAAS) menjadi hab pengajian al-Quran negeri. Akademi ini memberdaya latihan al-Quran kepada imam, guru sekolah rendah agama (SRA), SRA Intergrasi, Kelas Fardhu Ain Intergrasi (KAFAI) dan pemegang



AKADEMI LITERASI AL-QURAN DAN PENGAJIAN KITAB TURATH

tauliah mengajar kitab suci ini.

"Masjid negeri juga mengurus dan mengembangkan pengajian turath menerusi Akademi Turath Selangor. Penubuhan akademi ini bertujuan menghidupkan sistem pengajian Islam mengikut sukatan tradisional atau dilaksanakan di pondok nusantara.

"Akademi telah menyusun modul

pengajian mengikut tahun serta akan menumpukan kitab turath sama ada Jawi mahupun bahasa Arab sebagai sumber rujukan utama," kata Dato' Seri Amirudin Shari ketika membentang Belanjawan Selangor 2025.

Bermula tahun lalu, Kerajaan Negeri menganjur Festival Turath Islami Selangor bertujuan mengangkat perbincangan dan penghayatan tentang kitab Ihya' Ulumuddin karya Imam al-Ghazali.

Festival kali pertama itu merangkumi lapan acara termasuk Daurah Afkar Ihya Ulumuddin, seminar penghayatan Ihya Ulumuddin dan interaksi bersama pemegang taruh seperti pimpinan pendidikan dan ia diteruskan pada Mei lalu.

BELANJAWAN SELANGOR 2025

PERUNTUKAN RM3 BILION

56.7%

43.3%

RM1.7 B
PERBELANJAAN
MENGURUS



EMOLUMEN
RM613.4 JUTA



PERKHIDMATAN
DAN BEKALAN
RM657.9 JUTA



ASET
RM17.4 JUTA



PEMBERIAN DAN KENAAN
BAYARAN TETAP
RM392.5 JUTA



PERBELANJAAN-PERBELANJAAN
LAIN
RM18.9 JUTA

RM1.3 B
PERBELANJAAN
PEMBANGUNAN

SOSIAL
RM354.08 JUTA

INFRASTRUKTUR
RM404.17 JUTA

EKONOMI
RM380.7 JUTA

KESIHATAN, PENDIDIKAN
DAN PEMBANGUNAN
LUAR BANDAR
RM160.9 JUTA

TERAS 1

KECERDASAN BUATAN (ARTIFICIAL INTELLIGENCE) DAN PEMBANGUNAN INSAN PEMANGKIN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI



PEMBANGUNAN PUSAT
INKUBATOR AI SELANGOR
RM 5 JUTA



SELANGOR INTERNATIONAL
BUSINESS SUMMIT (SIBS)
RM 20 JUTA



PENDIDIKAN
RM 79.95 JUTA



PROGRAM TEKAD
REFORMASI PENDIDIKAN
RM 1 JUTA



PEMERKASAAN DAN
PEMBANGUNAN IPT DI BAWAH
KERAJAAN NEGERI
RM 9 JUTA



STEM
RM 1 JUTA



BAIKPULIH
SEKOLAH AGAMA
RM 4.5 JUTA



PTRS
RM 10 JUTA



PROGRAM INTERVENSI
DAN NUMERASI UNTUK
MURID BELUM KUASAI 3M
RM 1 JUTA



TABUNG KUMPULAN WANG
BIASISWA NEGERI SELANGOR
RM 8 JUTA



PROGRAM BANTUAN
SEKOLAH NEGERI
SELANGOR
RM 26.5 JUTA



PEMBANGUNAN
MAHASISWA
NEGERI SELANGOR
RM 8.7 JUTA



BANTUAN ASAS
YURAN UNIVERSITI
(BAYU)
RM 1.5 JUTA



BAUCAR BUKU
#KITASELANGOR
RM 400 RIBU



PROGRAM
BITARA
RM 1 JUTA



INISIATIF KEMAHIRAN
TEKNIKAL DAN IKHTISAS
SMART SELANGOR (IKTISASS)
RM 13.65 JUTA



PEMBANGUNAN
MODAL INSAN & SOSIAL
RM 2.6 JUTA



PROGRAM PEMBANGUNAN
MODAL INSAN
PENJAWAT AWAM
RM 1 JUTA



HADIAH PENGAJIAN
INSTITUT PENGAJIAN
TINGGI (HPIPT) SELANGOR
RM 3 JUTA







PROGRAM SELANGOR
INDUSTRIAL INTERNSHIP
(SISPRO)
RM 200 RIBU


TERAS 2
MENDUKUNG HASRAT ALAM SEKITAR
MAMPAN DAN INFRASTRUKTUR BERKUALITI

 PELAN INDUK NET ZERO CITIES 2050 RM 500 RIBU	 SELANGOR AGENDA FOR GREEN ACADEMY (SAGE) RM 500 RIBU	 PEMBANGUNAN ISWMC RM 70 JUTA	 PENGAMBILAN TANAH DI TAPAK PELUPUSAN SANITARI JERAM RM 70 JUTA
 PENGAMBILAN TANAH DI TAPAK PELUPUSAN SANITARI TANJUNG DUAABELAS RM 100 JUTA	 PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR RM 95.98 JUTA	 PROJEK ONE-OFF PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR RM 7 JUTA	 MEMBAIKPULIH CERUN RM 500 RIBU
 PENGAMBILAN BALIK TANAH RM 2 JUTA	 KERJA-KERJA PERMULAAN RM 570 RIBU	 PROJEK PEMBINAAN JAMBATAN RM 10.4 JUTA	 PROJEK PEMBINAAN JALAN BARU RM 22.05 JUTA
 PROJEK NAIK TARAF JALAN RM 37.9 JUTA	 TURAPAN MEGA RM 50 JUTA	 JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN SELANGOR RM 62.3 JUTA	 PROJEK PEMULIHARAAN KUALITI AIR LEMBANGAN SUNGAI RM 3 JUTA
 PROGRAM PENURUNAN KADAR AIR TIDAK BERHASIL (NRW) RM 47.5 JUTA	 PROGRAM PEMULIHAN DAN PEMBAIKAN LOJI RAWATAN AIR RM 189.6 JUTA	 KETERHUBUNGAN GRID AIR RM 54.7 JUTA	 SKIM JAMINAN AIR MENTAH (SJAM) RM 2 JUTA
 KERJA PEMBINAAN INFRASTRUKTUR PENGEPAMAN DI SUNGAI SELANGOR DAN SUNGAI SEMENYIH RM 12 JUTA	 HAK MILIK SAMBUNGAN PROJEK PEMBANGUNAN LOJI RAWATAN AIR LABOAH DAGANG RM 1 JUTA	 MOBILITI SELANGOR RM 20 JUTA	 KAJIAN PELAN INDUK MOBILITI SELANGOR RM 1 JUTA
 PEMBANGUNAN INFRA LUAR BANDAR RM 2 JUTA	 TAMAN RAKYAT MADANI RM 6 JUTA	 TABUNG PENYELESAIAN STRATA RM 10 JUTA	 SKIM CERIA RM 4.5 JUTA

TERAS 3
MEMUPUK NEGERI PENYAYANG

 NAIKTARAF MASJID RM 3 JUTA	 MENAIKTARAF MASJID NEGERI SHAH ALAM RM 3 JUTA	 KOMPLEKS PERKEMBANGAN AGAMA ISLAM NEGERI SELANGOR RM 5 JUTA	 MENGIKTIRAF AHLI AL-QURAN RM 303 RIBU	 SELANGOR SARING RM 2 JUTA	 SELANGOR MENTAL SIHAT (SEHAT) RM 500 RIBU	 PROGRAM BANTUAN BLUEPRINT PEMBASMIAN KEMISKINAN NEGERI SELANGOR RM 1.5 JUTA	 MEMBASMI DENGGI RM 4 JUTA
 AKADEMI LITERASI AL-QURAN DAN PENGAJIAN KITAB TURATH RM 1 JUTA	 INSENTIF HAJI SELANGOR RM 1.2 JUTA	 INSENTIF MUASSASAH HAJI RM 6 JUTA	 SMART SEWA SKIM SMART SEWA TAMBAHAN RM 282.5 JUTA	 PROGRAM RUMAH KERAJAAN PRIHATIN RM 3 JUTA	 JUALAN EHSAN RAHMAH (JER) 2025 DAN EHSAN MART RM 30 JUTA	 SKIM AIR DARUL EHSAN (SADE) RM 40 JUTA	 BANTUAN BAUCAR JOM SHOPPING BERSEMPENA PERAYAAN RM 12 JUTA
 ILTIZAM SELANGOR SIHAT RM 20 JUTA	 PENUBUHAN PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS BAHARU (PAWE) RM 400 RIBU	 KESIHATAN WARGA EMAS RM 400 RIBU	 KESIHATAN AWAM RM 40 JUTA	 AMBULANS KITA SELANGOR RM 1 JUTA	 JAWATANKUASA TETAP HAL EHWAL ORANG ASLI DAN MINORITI RM 1 JUTA	 WBS WANITA BERDAYA SELANGOR SDN. BHD. PEMERKASAAN WANITA BERDAYA SELANGOR RM 2.4 JUTA	 KHAIRAT DARUL EHSAN RM 20 JUTA
 ILTIZAM SELANGOR SIHAT PENJAWAT AWAM (ISSPA) RM 1 JUTA	 BANTUAN SIHAT SELANGOR RM 5 JUTA	 JAWATANKUASA KHAS AGAMA BUDDHA, KRISTIAN, HINDU, SIKH DAN TAO NEGERI SELANGOR (LIMAS) RM 4 JUTA	 SUBSIDI TAMBANG BAS SEKOLAH RM 300 SETAHUN PENDAPATAN SEISI RUMAH RM2,000 KE BAWAH	 BANTUAN YURAN PENGAJIAN PELAJAR INDIA B40 ONE-OFF SEHINGGA RM5,000	 NAIK TARAF FASILITI PERKAMPUNAN BUDAYA MAH MERI RM 1 JUTA	 SKIM RAWATAN JANTUNG RM 5 JUTA	
 MAJLIS TINDAKAN OKU SELANGOR (MTOS) RM 200 RIBU	 ILTIZAM ANAK ISTIMEWA SELANGOR (ANIS) RM 2.3 JUTA	 PROGRAM KEBAJIKAN MASYARAKAT INDIA RM 1.185 JUTA					

TERAS 4
MENJUARAI TADBIR URUS CEKAP DAN BERWIBAWA

 LEMBAH KLANG RAYA RM 3 JUTA	 PASUKAN CYBERSECURITY SELANGOR (CERT SELANGOR) RM 5 JUTA	 PENAMBAHBAIKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KERAJAAN RM 600 RIBU	 PENAIKTARAFAN SISTEM TENDER ONLINE SELANGOR 2.0 RM 524 RIBU	 PEMBERDAYAAN EKONOMI DAN PEMBANGUNAN DESA RM 4 JUTA	 KOPERASI DAN KEPENGUNAAN RM 500 RIBU
---	---	---	---	--	---

TERAS 5

**EKONOMI, KEBUDAYAAN DAN
PEMBANGUNAN GENERASI MUDA**



TAHUN MELAWAT
SELANGOR 2025
RM 8 JUTA



PEMBANGUNAN
PERSEDIAAN ATLET
RM 6 JUTA



PESTA
PICKLEBALL SELANGOR
RM 1 JUTA



SELANGOR COFFEE
FESTIVAL (SELCOF)
RM 1 JUTA




PENGURANGAN
DUTI HIBURAN

ARTIS TEMPATAN
**PENGECUALIAN
PENUH**

ARTIS ANTARABANGSA
**DIKURANGKAN
KEPADA 10%**

PAMERAN BERTIKET
**DIKURANGKAN
KEPADA 15%**



STADIUM E-SPORTS
RM 1 JUTA



PEMBANGUNAN BELIA
RM 2.8 JUTA



KEBUDAYAAN DAN
ADAT WARISAN
RM 1.3 JUTA



DANA USAHAWAN MADANI
SELANGOR (DUMS)
RM 2 JUTA



LATIHAN KEUSAHAWANAN
RM 1 JUTA



PROMOSI USAHAWAN
RM 1 JUTA



PROGRAM PEMBANGUNAN &
PENGGOMERSIALAN PRODUK
RM 400 RIBU



PLATS
RM 5 JUTA



TERJEMAHAN
DARUL EHSAN
RM 2 JUTA



FESTIVAL
KESENIAN ISLAM
RM 1.5 JUTA



Pekerja Kedai Kopist mengikuti perkembangan belanjawan negeri dibentang Dato' Seri Amirudin Shari menerusi komputer riba di Batu Caves, Gombak



Penghantar makanan, Khairul Anuar Md Rais sempat meluang masa mendengar belanjawan dibentang Dato' Menteri Besar



Kakitangan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor meluangkan masa menonton siaran langsung di pejabat mereka



Peniaga di Kompleks PKNS, Shah Alam tidak sabar mendengar inisiatif berkenaan usahawan ketika Belanjawan Selangor 2025



Penguatkuasa SUK Selangor sempat mengikuti pembentangan di ruang legar Dewan Negeri Selangor, Shah Alam



Kakitangan INFRASEL menyaksikan pembentangan belanjawan bertema Selangor Dinamik: Cita Sempurna Malaysia Madani

RM500,000 usaha atasi isu banjir

ISU bah di Sungai Gong, Gombak bakal diatasi dengan pembangunan projek kolam takungan banjir di Rawang Integrated, melibatkan kos RM500,000.

Membentangkan Belanjawan 2025, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata projek dilaksanakan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor.

Amirudin menambah fenomena air pasang besar yang berlaku baru-baru ini menjejaskan benteng di kawasan pesisiran pantai, terutama di Sabak Bernam dan Kuala Selangor.

Justeru, Kerajaan Negeri memperuntuk RM4 juta tahun depan bagi pelaksanaan projek naik taraf benteng pantai di kawasan terjejas akibat fenomena air pasang besar itu.

Pada 5 November, Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) menyerahkan bantuan wang tunai kepada tujuh keluarga di sekitar Sungai Air Tawar, Sabak Bernam, yang terkesan bencana ribut dan banjir pada Julai.



Bantuan yuran IPT, kekal subsidi tambang

PELAJAR India berpendapatan rendah yang melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi awam dan swasta akan dibantu melalui Program Bantuan Yuran Pengajian Pelajar India B40.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata bantuan hingga RM5,000 bagi jurusan ijazah sarjana muda dan RM3,000 bagi diploma diberi sekali bayar kepada setiap pelajar sepanjang tempoh pengajian dan disalurkan terus kepada bendahari IPTA dan IPTS terlibat.

"Bagi memastikan kebajikan golongan B40 masyarakat India terus dibela, dua program utama akan diteruskan bawah inisiatif Pembangunan Pendidikan Masyarakat India pada 2025 iaitu Program Sumbangan Subsidi Tambang Bas Sekolah dan Program Bantuan Yuran Pengajian Pelajar India B40 dengan anggaran peruntukan sebanyak RM1.185 juta," katanya.

Program Sumbangan Subsidi Tambang Bas Sekolah mensasarkan pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil daripada keluarga berpendapatan bulanan seisi rumah sebanyak RM2,000 ke bawah dengan pemberian sumbangan tunai sebanyak RM300 kepada setiap pelajar setahun.

Lantik 21 pakar rujuk al-Quran, sedia elaun

SERAMAI 21 individu dalam kalangan ahli al-Quran akan dipilih sebagai pakar rujuk kitab suci dan qiraat serta layak menerima elaun bulanan.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata inisiatif dengan dana RM303,000 itu akan mengangkat tiga individu sebagai Syaikhul Maqari, Syaikhul Muqri (sembilan orang) dan Syaikhul Qari' (sembilan orang).

"Bagi mengiktiraf kejayaan ahli Quran di Selangor, Kerajaan Negeri akan mewujudkan dan memulakan skim imbuhan bulanan kepada 21 individu terpilih yang menguasai ilmu al-Quran



MENGIKTIRAF AHLI AL-QURAN

dan qiraat.

"Individu perlu melepasi kriteria ditetapkan dan berperanan sebagai pakar rujuk al-Quran dan qiraat selain

sebagai sayap baru memperkukuh kedudukan dan kewibawaan Akademi Literasi al-Quran," katanya.

Berikutan itu, Amirudin memaklumkan pentadbirannya akan menubuhkan Majlis Syeikh Maqari Negeri Selangor bertujuan memastikan pelaksanaan skim berjaya.

"Ini juga membuka ruang dan beri kesan kepada kemahiran membaca al-Quran kepada imam, asatizah dan masyarakat Islam seluruhnya.

"Dalam masa sama usaha dan pengiktirafan ini mewujudkan satu lagi prospek kepada pencinta dan penjaga al-Quran," katanya.



Pastikan bekalan air terjamin

PROJEK keterhubungan grid air akan menjadi tumpuan utama bagi menjamin bekalan berterusan di negeri ini, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata sebanyak RM54.7 juta diperuntuk untuk kerja-kerja pembinaan infrastruktur dan servis konsultasi di beberapa jajaran.

"Jajaran terlibat membabitkan wilayah Petaling, Gombak, Kuala Lumpur, dan Hulu Selangor. Projek ini sebahagian daripada pelan jangka panjang untuk mencapai keterhubungan grid air yang mampan menjelang 2030," katanya.

Amirudin berkata program

Penggantian Paip retikulasi (hotspot) yang bermula sejak 2016 menyasarkan penggantian paip sebanyak 150 kilometer (km) setahun.

"Bermula 2023, sasaran penggantian paip telah ditingkatkan dari 150km kepada 300km setahun. Sebanyak RM527 juta diperuntuk melibatkan RM493.5 juta dibiayai oleh Air Selangor manakala RM33.5 juta dibiayai oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB).

"Setakat Julai lalu sebanyak 783.54 km paip berjaya digantikan," katanya.

Katanya bagi mengurangkan kadar air tidak berhasil (NRW), satu program penurunan NRW akan diteruskan dengan cadangan peruntukan sebanyak



SKIM AIR DARUL EHSAN (SADE)

RM47.5 juta tahun depan.

"Setakat Julai lalu, peratusan NRW Air Selangor adalah sebanyak 27.36 peratus, mengatasi sasaran NRW tahunan bagi 2024 yang ditetapkan SPAN sebanyak 28.0 peratus," katanya.



Bangunkan pelan Lembah Klang Raya

KERAJAAN Negeri bakal membangunkan pelan tindakan Lembah Klang Raya 2035 termasuk membentang enakmen baharu bagi merealisasikan bandar metropolitan pertama negara.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata inisiatif bagi memperkukuh keperluan empat bandar raya utama negeri iaitu Petaling Jaya, Subang Jaya, Shah Alam, dan Klang akan dilaksana dengan peruntukan RM3 juta.



**LEMBAH KLANG RAYA
RM 3 JUTA**

"Pelan tindakan akan mengenal pasti aspek seperti pembangunan spatial, zon pembangunan ekonomi khas yang tidak bergantung sepenuhnya kepada keluasan tanah tetapi potensi besar teknologi, pembaharuan semula bandar-bandar serta projek pembangunan komuniti bagi

mewujudkan bandar yang selesa dan sejahtera.

"Sehubungan dengan itu, Enakmen SGKV turut akan dibangunkan dan

dibentangkan bagi penelitian Ahli Dewan Negeri agar Lembah Klang Raya dapat menjadi model pentadbiran metropolitan pertama di Malaysia," katanya.

Sebelum ini, Amirudin berkata empat bandar raya yang digabung menjadi Lembah Klang Raya mampu bersaing dan dibanding dengan kota utama Asia menerusi penyediaan kualiti infrastruktur fizikal dan digital.

Jelas beliau, gabungan Petaling Jaya, Shah Alam, Subang Jaya dan Klang menjadi model metropolitan untuk memperkukuh ketersambungan ekonomi dan fizikal.

Naik taraf sistem tender dalam talian

SEJUMLAH RM523,800 diperuntuk bagi menaik taraf Sistem Tender Online Selangor, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata sistem dalam talian yang digunakan dan ditambah baik dimantapkan lagi tahun hadapan.

"Ia juga bagi mengurangkan kos pembangunan baharu dan mengelakkan pertindihan sistem supaya setiap agensi tidak perlu menambah tanggungjawab pembangunan atau pengurusan sistem selain meningkatkan ketelusan semasa proses penilaian dalam perolehan."

Selain itu, sejumlah RM600,000 diperuntuk bagi pembangunan sistem pengurusan projek berimpak tinggi Kerajaan Negeri mahupun kerjasama swasta.

Beri geran, tingkat potensi usahawan

SELANGOR komited melaksana pelbagai program, latihan, promosi serta pemberian geran bagi menggalakkan pertumbuhan keusahawanan, selaras Rancangan Selangor Pertama (RS-1), kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata program sedia ada yang akan diteruskan adalah Dana Usahawan Madani Selangor (DUMS) dengan dana RM2 juta, latihan keusahawanan (RM1 juta) dan promosi usahawan (RM1 juta).

"Sebanyak RM400,000 diperuntuk dalam menggalakkan pengkomersialan produk usahawan Negeri Selangor dengan usaha sama produksi filem, drama dan iklan tempatan.

"Program Pembangunan Usahawan Negeri Selangor akan diteruskan dengan kerjasama Selangor Youth Community (SAY) melalui program sedia ada iaitu SAY ASPIRE dan SAY LEAD yang membangunkan usahawan eksport dan usahawan yang terdiri daripada golongan OKU," katanya.

Selain itu, sebanyak RM5 juta disediakan bagi meneruskan Platform Selangor (PLATS).

Menurutnya, program berkenaan bakal memperkenalkan manfaat terbaharu iaitu U-PLATS Expand dengan kerjasama Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS).

Kertas putih AI nilai risiko, keselamatan

SELANGOR akan mengemukakan kertas putih kecerdasan buatan (AI) merangkumi usaha meningkatkan kecakapan khidmat kerajaan dalam sidang Dewan Negeri tahun depan.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata kertas tersebut turut menyentuh kapasiti mengaudit teknologi itu selain menilai kaedah AI sebagai pelengkap komuniti pekerja.

Antara elemen lain ialah:

- ▶ Meneliti impak kecerdasan buatan terhadap kesenjangan pendapatan,

keupayaan dan pendidikan

- ▶ Keselamatan siber dan maklumat peribadi serta mengekang kesilapan maklumat, info palsu serta salah guna maklumat
- ▶ Menilai keseluruhan risiko AI termasuk terhadap kesihatan mental, kemudahan fizikal, hak asasi serta keselamatan rakyat
- ▶ Mengangkat prinsip keadilan, akauntabiliti, tadbir urus, ketelusan dan ketahanan

- ▶ Meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap sistem dan penggunaan AI

Beliau berkata semua aspek berkenaan akan menjadi hala tuju pembangunan AI dan bakal diterajui barisan pakar daripada Institut Kajian Selangor.

Terdahulu, ketika membentang Belanjawan 2025, Amirudin berkata negeri ini bakal menubuhkan pembangunan Pusat Inkubator AI yang menawarkan program pendidikan dan persijilan tertentu.

Giat promosi tarik pelancong

SEJUMLAH RM8 juta diperuntuk bagi melaksanakan program promosi dan acara pelancongan sempena Tahun Melawat Selangor 2025 (TMS2025).

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata perbelanjaan tersebut turut membabitkan kerja naik taraf lokasi tumpuan bagi menarik kedatangan pelancong tempatan dan luar negara.

"Kempen promosi pelancongan sedang giat dijalankan melalui kempen 'Surprising Selangor!' bagi merangsang ekonomi pelancongan domestik khususnya di anjung utara yang melibatkan daerah Sabak Bernam hingga Kuala Selangor serta anjung selatan bagi daerah Sepang dan Kuala Langat," katanya.

TMS2025 dijangka menarik lapan juta pelancong domestik dan antarabangsa dengan sasaran kutipan resit RM11.7 bilion.

Menurut Tourism Selangor, TMS2025 disasar menawarkan lebih 60 program dan acara dengan promosinya memberi penekanan khusus kepada beberapa segmen termasuk eko pelancongan, agro, seni dan budaya.

RM2.8 juta terus perkasakan belia

KERAJAAN Negeri memperuntuk RM2.8 juta bagi memastikan kelangsungan pembangunan belia terus dilaksana hingga ke peringkat akar umbi.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata Penggerak Belia Selangor (PeBS) menghubungkan Kerajaan Negeri dan golongan belia sehingga ke peringkat zon ahli majlis.

"PeBS berperanan sebagai penghubung antara Kerajaan Negeri dan golongan belia bagi memastikan golongan belia di negeri ini mempunyai platform dalam usaha untuk memperkasakan agenda belia di Selangor.

"Bagi tujuan program-program, siling peruntukan akan ditingkatkan dari RM6,000 kepada RM10,000 supaya lebih berkesan dan lebih ramai anak muda dapat dilibatkan," katanya membentangkan Belanjawan Negeri 2025.

Sementara itu, Kerajaan Negeri memperuntuk RM1.3 juta bagi memartabatkan seni, budaya dan warisan membabitkan semua kaum serta etnik di Selangor.

Menurutnya, antara program kebudayaan yang akan terus diperkasa adalah Rentak Selangor selain seni muzik cempuling, tarian Joget Selangor dan seni tekstil Kelingkan.

RM1.5 juta anjur festival seni Islam

KERAJAAN Negeri bakal menganjurkan Festival Kesenian Islam sempena Tahun Melawat Selangor 2025, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata festival berkenaan akan diisi dengan program keislaman bermutu dengan peruntukan RM1.5 juta.

"Tradisi keilmuan Islam berasaskan turath atau kitab muktabar seharusnya menjadi tumpuan, bukannya kandungan TikTok yang menghasut, menimbulkan

perpecahan atau kekeliruan.

"Kita juga berhasrat mencipta suatu kitaran ekonomi dengan kehadiran yang mencecah ratusan ribu seumpama Majlis Darul Ehsan Berselawat," katanya.

Tahun lalu, Kerajaan Negeri julung kali menganjur Festival Turath Islami bersempena projek terjemahan 10 jilid kitab Ihya Ulumuddin karangan Imam al-Ghazali oleh Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE).

Dalam pada itu, Amirudin turut mengumumkan peruntukan RM2 juta bagi meneruskan usaha menterjemah karya warisan ilmuwan dan tamadun

Islam.

Menurutnya, sejumlah RM500,000 akan digunakan bagi menterjemah karya bertema Asia Tenggara termasuk tokoh terkemuka rantau ini.

"Waima percambahan ilmu yang hebat, dunia Islam tidak sesekali tergugat citra Islamik. Malahan ia menjadikan ulama Islam lebih berkeyakinan dan wibawa di pandangan ilmuwan tamadun lain," katanya.

Sebelum ini, IBDE giat menerbitkan buku terjemahan pelbagai genre meliputi sejarah, falsafah dan agama, sesetengah naskhah asal berusia ribuan tahun.



**FESTIVAL
KESENIAN ISLAM**



RM5 juta cegah ancaman siber

SELANGOR menyediakan RM5 juta untuk meningkatkan keselamatan siber dalam menyahut cabaran memasuki gerbang kecerdasan buatan, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata keselamatan sistem yang kalis godam serta pengurusan data yang bertanggungjawab dan selamat penting bagi memastikan negeri sentiasa terkehadapan dalam mendepani ledakan teknologi.

"Melalui pelaksanaan audit keselamatan siber yang sedang berjalan dan akan diteruskan oleh Pasukan Tindak Balas Kecemasan Siber (CERT)

Selangor, beberapa usaha tambahan akan berjalan antaranya pemantauan strategik dan pengurusan ancaman siber di semua platform.

"Ini termasuk suai tugas agensi-agensi kerajaan bagi keselamatan maklumat bagi setiap agensi. CERT akan meluaskan tanggungjawab dan keberkesanan mencegah

ancaman siber dengan meningkatkan kawalan ketat ke atas akses Pusat Kawalan Keselamatan Siber," katanya.

Amirudin memaklumkan sejumlah RM600,000 bagi penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Katanya, bagi memastikan projek-

projek berimpak tinggi yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri mahupun perkara yang mempunyai kerjasama pihak swasta, satu sistem pengurusan projek berimpak tinggi akan dibangunkan untuk memantau setiap fasa projek.

"Kesemua ini akan menjadi nilai tambah kepada pentadbiran ini dalam menguruskan projek-projek berimpak tinggi seperti yang digariskan di dalam Rancangan Selangor Pertama (RS-1) serta rancangan akan datang.

"Sistem ini juga boleh berfungsi kepada sistem pelaporan dan meningkatkan akauntabiliti Kerajaan kepada semua pemegang taruh, serta menjadi saluran maklumat rasmi, tepat, dan sahih berkenaan projek-projek Kerajaan Negeri," katanya.



**PASUKAN CYBERSECURITY
SELANGOR (CERT SELANGOR)**



Mansuh duti hiburan artis tempatan

SELANGOR mengurangkan duti hiburan bagi penganjuran konsert dan pameran bertujuan menarik lebih ramai pelancong sempena Tahun Melawat Selangor 2025 (TMS2025).

Bagi artis tempatan, tiada duti hiburan dikenakan sementara kadar untuk artis antarabangsa dikurangkan kepada 10 peratus berbanding 25 peratus sebelum ini.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata dasar baharu bagi pameran bertiket turut diperkenal dengan pengurangan duti hiburan

daripada 25 peratus kepada 15 peratus bermula 2025.

"Semua ini dianggarkan membawa implikasi kewangan sebanyak RM13.17 juta sepanjang tahun depan.



**PENGURANGAN
DUTI HIBURAN**

"Pentadbiran ini percaya penjimatan di tangan pengguna mampu membawa kebaikan kepada pengusaha kecil dan sederhana yang beroperasi sepanjang pementasan dan konsert sambil memupuk lebih ramai generasi muda untuk mencungkil bakat masing-masing."

Sebelum ini, Kerajaan Negeri bersetuju mengurangkan kadar duti hiburan daripada 25 peratus kepada

lima peratus ke atas panggung wayang, taman tema dan konsert selama lima tahun berkuat kuasa bermula 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2026.

Menerusi Belanjawan 2024, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan penurunan kadar duti hiburan bagi Wilayah Persekutuan daripada 25 peratus kepada kadar baharu.

Ia termasuklah pengurangan 10 peratus duti hiburan bagi persembahan pentas oleh artis antarabangsa dan acara hiburan seperti tayangan filem serta acara sukan dan permainan selain pengurangan 5 peratus duti hiburan turut diberi kepada taman tema, pusat rekreasi keluarga, permainan 'indoor' dan 'simulator'.

RM1 juta bangun gedung e-sukan

KERAJAAN Negeri akan mengubah suai Hotel Carlton di Seksyen 13 di sini, untuk dijadikan Gedung e-Sukan Selangor dengan peruntukan RM1 juta.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata inisiatif berkenaan memberi peluang kepada negeri menjadi tuan rumah kepada pertandingan e-sukan di peringkat Asean dan antarabangsa.

"Mengambil iktibar daripada kejayaan Selangor Red Giants (SRG) mengalahkan Falcons AP Bren Sport

4-2 dalam pertandingan Mobile Legends Bang Bang 2024, inilah waktu untuk kita membina ekosistem serta fasiliti sukan yang mampu mengasah bakat anak-anak muda Selangor.

"Tambahan kepada itu, selepas kemenangan SRG, nama Selangor semakin dihormati dan disegani dalam dunia e-sukan. Saya juga yakin lebih ramai anak muda bakal menceburi bidang ini tidak lama lagi," katanya.

Pada 2022, Selangor berhasrat membangunkan pusat pembangunan

e-sukan dengan kerjasama swasta dan negeri menggunakan bangunan bekas Hotel Carlton yang diubah suai.

Pada Julai lalu, SRG melakar sejarah baharu dalam arena e-sukan negara selepas muncul juara pada kejohanan Mid Season Cup (MSC) Mobile Legend Bang Bang (MLBB) 2024 di Arab Saudi.

SRG mencatat kemenangan 4-3 ke atas pasukan Filipina Falcons AP Bren Sport, sekali gus memahat nama sebagai juara baharu dan membawa pulang hadiah RM4.6 juta.

Festival kopi saingi barista Asia Tenggara

BUAT julung kalinya, Kerajaan Negeri akan menganjurkan Festival Kopi Selangor tahun depan bagi mengorak langkah sebagai pemain dalam dunia kopi.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata pesta berkenaan memberi peluang lebih ramai barista bersaing dan meneroka industri kopi dengan peruntukan RM1 juta.

"Dengan membawa tema Asean serta mengambil peluang kepengerusian Asean oleh Malaysia, dan mengambil iktibar pesta kopi terkenal seperti London Coffee Festival dan Nordic Coffee Fest, Kerajaan Negeri akan menganjur festival kopi buat julung kalinya pada 2025.

"Ia akan menjadi tapak untuk barista membangun, ruang untuk meneroka industri kopi disamping menganjur Asean Barista Championships sebagai peluang untuk barista bersaing dengan pakar dunia kopi di Asia Tenggara," katanya.

Tahun lalu, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor menganjurkan fiesta kopi sempena Ekspo Usahawan Selangor 2023 khas untuk peminat minuman itu.

RM6 juta untuk cungkil bakat sukan

SEBANYAK RM6 juta disediakan untuk menjayakan Program Pembangunan Sukan bagi menghadapi Sukan Malaysia (SUKMA) pada 2026, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau memberitahu program tersebut berupaya mencungkil bakat baharu secara menyeluruh selain persiapan untuk menjadi tuan rumah edisi ke-22.

Katanya, pembangunan sukan berprestasi tinggi memerlukan dana mencukupi bagi menjamin kejayaan atlet dan perlu dimulakan pada peringkat akar umbi, pengembangan bakat dan pengukuhan pelapis.

Beliau berkata keperluan tersebut meliputi antaranya kejurulatihan, sokongan sains sukan, pengurusan teknologi maklumat, alatan latihan, pertandingan, pakej latihan dan prasarana.

Maknai ekonomi manusiawi

Oleh AMIRUDIN SHARI

Ketika kita melangkah ke hadapan untuk membina Selangor yang lebih makmur dan dinamik, penting untuk kita ingat bahawa kekuatan ekonomi tidak hanya bergantung pada kekayaan atau sumber semata-mata, tetapi pada keterangkuman dan keadilan institusi kita.

Seperti yang ditegaskan pemenang Hadiah Nobel Ekonomi 2024 terkenal Daron Acemoglu, negara berkembang apabila mereka mengamalkan institusi yang inklusif, yang merangkumi, yang merangkul dan mendakap penyertaan segenap lapisan rakyat—institusi yang memberi kuasa kepada setiap rakyat untuk menyertai kehidupan politik dan ekonomi masyarakat.

Di Selangor, kita percaya kepada ekonomi yang menyediakan peluang untuk semua, bukan hanya kepada golongan tertentu. Kami tekad untuk melaksanakan dasar yang membuka peluang kepada pendidikan, keusahawanan, dan pekerjaan untuk setiap individu tanpa mengira latar belakang. Ini bukan sahaja perkara yang betul untuk dilakukan—ini pemangkin kepada pertumbuhan mampan dan jangka panjang.

Mutakhir ini seringkali kita mendengar istilah ‘disruption’ dilaungkan. Ia bukanlah sesuatu yang baharu. Ahli ekonomi Joseph Schumpeter pernah memperkenalkan konsep pemusnahan kreatif. Dalam karyanya *Capitalism, Socialism and Democracy* (1942) beliau menyebut:

“The process of Creative Destruction is the essential fact about capitalism. It is what capitalism consists of and what every capitalist concern has got to live in.”

Waima demikian, sementara Acemoglu dan lain-lain mungkin positif mengenai ‘The gale of creative destruction’ atau badai kencang pemusnahan kreatif, Schumpeter memberi amaran bahawa inovasi baharu menggantikan yang



Kita tidak takut akan perubahan. Kita akan terus menggalakkan inovasi, menyokong perusahaan baharu, dan mempromosikan industri masa depan, walaupun kita sedar ia mungkin mencabar status quo. Ini langkah penting untuk mewujudkan pekerjaan lebih baik dan ekonomi lebih dinamik

lama, mengubah landskap ekonomi dan industri, ia sesuatu yang mengganggu serta menjengkelkan.

Kita akur inovasi mengubah cara kita hidup dan bekerja, dan ia pemacu kepada ekonomi lebih maju. Akan tetapi, kita tidak mengabaikan ekonomi manusiawi, yang diungkapkan perdana menteri dalam bukunya *Gelombang Kebangkitan Asia*.

Kita tidak takut akan perubahan. Kita akan terus menggalakkan inovasi, menyokong perusahaan baharu, dan mempromosikan industri masa depan, walaupun kita sedar ia mungkin mencabar status quo. Ini langkah penting untuk mewujudkan pekerjaan lebih baik dan ekonomi lebih dinamik.

Namun, tiada apa yang dapat dicapai tanpa sebuah kerajaan yang kuat dan bertanggungjawab. Sebuah kerajaan yang menjaga rakyatnya, yang menguatkuasakan undang-undang secara adil, dan yang beroperasi dengan telus. Seperti yang ditegaskan oleh Acemoglu dalam *Why Nations Fail*, apabila kerajaan kuat tetapi tidak inklusif, ia berisiko menjadi apa yang beliau sebut ‘extractive’ iaitu apabila kuasa dan kekayaan menumpu, ‘centralized’, ia hanya menyedut, menjadi kerajaan pelahap, ‘rent seeker’, demi kepentingan elit semata-mata tanpa menambah nilai kepada ekonomi dan negara.

Cekap berkhidmat

Visi kita untuk Selangor adalah sebuah kerajaan yang berkeupayaan dan bertanggungjawab, yang berkhidmat kepada rakyat dengan cekap dan berwibawa.

Acemoglu mengingatkan masyarakat yang maju dibina atas kemajmukan politik. Di Selangor, kekuatan kita terletak pada kepelbagaian—dalam komuniti, suara, dan bakat yang membentuk negeri kita. Kita akan terus melaksanakan dasar yang memperkasa masyarakat untuk mengambil bahagian dalam pembuatan keputusan, memastikan pentadbiran dikongsi bersama dan tidak tertumpu pada segelintir pihak.

Pentadbiran ini juga menyedari situasi global yang semakin berubah dan mencabar. Kali terakhir saya membentang belanjawan negeri pada tahun lalu, seluruh dunia bergelut dengan situasi Perang Russo-Ukraine yang pada ketika itu seakan-akan menyebelahi Ukraine.

Kita juga tidak menyangka kezaliman rejim Zionis Israel terhadap warga Palestin di Gaza dan West Bank menjadi genosid sehingga hampir mencetus perang serantau di Timur Tengah dengan



Sebaliknya, kita harus bersatu dan mencari solusi yang berkesan untuk mendepani cabaran perubahan iklim, cabaran di dalam ekonomi yang menyebabkan sekelompok rakyat berasa nasib mereka tidak diperjuangkan pimpinan seperti yang kita lihat di negara maju, sebuah sistem ekonomi yang berasaskan teknologi tetapi belum mengangkat maruah rakyat di bawah

kemasukan secara aktif Iran ke dalam medan pertempuran.

Keputusan pemilihan presiden Amerika Syarikat sedikit sebanyak terkait dengan kedua-dua perang aktif ini, serta kemaraan China yang menyebabkan dunia hari ini bergerak dalam konfigurasi baharu iaitu multipolar berbanding unipolar.

Penting untuk kita sebagai pentadbir dan pemimpin untuk mengambil pengajaran dan kesan serta sebarang kemungkinan perkembangan geopolitik kerana ketamadunan manusia tidak mampu merisikokan Perang Dunia Ketiga.

Mungkin sebahagian besar daripada kita yang tidak hidup dalam keadaan perang sepertimana nenek moyang kita lalui pada awal abad ke-20 sehingga ke pertengahan tahun 1945.

Tetapi kini, apabila Doomsday Clock, sebuah usaha oleh Bulletin of Atomic Scientists, sedang menunjukkan bacaan ‘90 seconds to midnight’ disebabkan beberapa perang proksi yang sedang berlaku. Bacaan ini menunjukkan betapa dekat atau jauhnya dunia kita berada sebelum dibinasakan akibat perang nuklear. Untuk perbandingan, apabila Perang Dingin berakhir pada 1991, Doomsday Clock merekod bacaan ‘17 minutes to midnight’.

Konflik kuasa besar

Dengan latar belakang ini, beberapa komentar baru-baru ini mengatakan bahawa ‘a new nuclear arms race is beginning’. Saya meneliti tulisan Pulitzer Prize finalist Annie Jacobson bertajuk ‘Nuclear War: A Scenario’, yang menunjukkan betapa pantas dan mudahnya dunia kita berakhir dengan bermulanya satu bom nuklear daripada mana-mana negara.

Meskipun sebahagian besar daripada

kita tidak hidup dalam perang biasa, kita telah pun melalui perang dengan ‘the unseen enemy’ sewaktu bertarung dengan virus Covid-19. Kita masih ingat kengerian hidup dalam ketidaktentuan, hidup secara berasingan, hidup dengan risiko kematian.

Di Selangor, meskipun kita bukan kuasa nuklear ataupun tidak terlibat secara langsung dengan konflik yang sedang berjalan dengan kuasa besar di dunia hari ini, kita wajar menyatakan pandangan, kita wajar berpendirian teguh. Perang bukan satu opsyen walau apa pun yang berlaku. Keamanan dan kesejahteraan satu-satunya pilihan kita. Sebagai masyarakat bertamadun, kita mempunyai perjalanan dan ruang yang jauh lagi untuk dijalani.

Sebaliknya, kita harus bersatu dan mencari solusi berkesan untuk mendepani cabaran perubahan iklim, cabaran di dalam ekonomi yang menyebabkan sekelompok rakyat berasa nasib mereka tidak diperjuangkan pimpinan seperti yang kita lihat di negara maju, sebuah sistem ekonomi yang berasaskan teknologi tetapi belum mengangkat maruah rakyat di bawah.

Belum lagi kita berbicara tentang cabaran negara maju seperti masyarakat menua, rejuvenasi bandar matang, sistem pengangkutan yang menggerakkan manusia dan bukannya kenderaan.

Permasalahan dasar seperti ini seharusnya menjadi titik persamaan dan menyatukan manusia dari seluruh pelusuk dunia untuk bersama supaya kita mencapai hasrat kehidupan yang mampan bagi kebaikan rakyat.

Di Selangor, di Asean, kita harus berani untuk tampilkan prinsip dan nilai tersendiri dan elak daripada korupsi moral seperti yang kita lihat di negara yang ekonominya maju tetapi sistem politik dan demokrasi sedang digelak tawa seluruh dunia.

Itu yang mendorong pentadbiran ini untuk mencari keseimbangan emas antara meneroka peluang baharu seperti kecerdasan buatan dan semikonduktor, mementingkan kemampanan dengan industri tenaga serta inisiatif kitar semula, di samping beberapa program bagi mengurangkan kos sara hidup rakyat agar pendapatan boleh guna mereka meningkat dari bulan ke bulan.

Ayuh bersama-sama, melalui pertumbuhan inklusif, inovasi, institusi yang kuat, dan tadbir urus yang dikongsi, kita akan membina masa depan yang lebih cerah untuk Selangor.

**Petikan ucapan pembentangan Belanjawan Selangor 2025 pada 15 November*



Ir Izham melawat Stesen Pam Rantau Panjang di Bestari Jaya, Kuala Selangor pada 8 November. Hadir sama Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Dato' Mohd Yazid Sairi (kiri). Foto MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN

Guna pendekatan Jepun atasi bah

Bina terowong bawah tanah

Oleh FITRI HAZIM HAZAM

KUALA SELANGOR - Kerajaan Negeri merangka pelan rancangan untuk membina sistem terowong bawah tanah, sama seperti digunakan di Jepun bagi mengatasi isu banjir di negeri ini.

EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim menjelaskan pendekatan tersebut perlu dilaksanakan sebagai langkah penyelesaian jangka panjang bagi pengurusan banjir di negara ini.

Menurut beliau, projek seumpama itu dijayakan di dua bandar iaitu Kawasaki dan Saitama yang menggunakan kaedah mengalirkan air terus ke dalam terowong bawah tanah.

Lepas air empangan

KUALA SELANGOR - Pelepasan air empangan di Selangor dilakukan secara berperingkat sebagai persediaan bagi menghadapi musim Monsun Timur Laut, maklum EXCO infrastruktur.

Ir Izham Hashim berkata langkah tersebut berupaya mengurangkan kapasiti simpanan air Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) sejak Ogos lalu memberikan dampak positif setakat ini.

"Kita keluarkan secara berperingkat biasanya pada kadar 10 peratus, maksudnya kalau mencecah 100 peratus kita ku-

"Sungai di Selangor tidak mampu menampung jumlah taburan air hujan yang luar biasa. Pelan pembinaan terowong ini juga termasuk di Kuala Lumpur.

"Ini kerana kebanyakan banjir berlaku di Kuala Lumpur akan mengalir ke sungai sekitar negeri hingga menyebabkan Selangor dilanda banjir," katanya.

Beliau merasmikan Penyerahan Projek Skim Jaminan Air Mentah (SJAM) Pakej B di Kolam Hang Tuah No. 5, Jalan Rantau Panjang, Bestari Jaya di sini pada 8 November.

Menurut Ir Izham lagi, pelan pembangunan bernilai RM6 bilion itu dibawa kepada Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) untuk diperhalusi lebih lanjut.

rangkan jadi 90 peratus supaya ia boleh menampung air hujan.

"Kita lepaskan secara berperingkat supaya dapat menampung dan tidak membebaskan aliran sungai. Keadaan empangan tidak mengalami masalah setakat ini," katanya pada 8 November.

Mengulas mengenai pemantauan fungsi pam air di Sri Muda, beliau berkata Jabatan Pengairan dan Saliran serta Majlis Bandaraya Shah Alam kini menjalankan kerja naik taraf sistem saliran.

Ajaran GISBH sesat, menyimpang Islam

SHAH ALAM - Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) memutuskan ajaran, pegangan dan fahaman GISB Holdings (GISBH) sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam.

Pengerusinya Datuk Dr Nooh Gadut berkata mesyuarat jawatankuasa pada 24 hingga 26 September yakin dan berpuas hati dengan hujah serta fakta penyelidikan mengenai GISBH, lapor Bernama.

Beliau berkata ajaran dibawa Nasiruddin Mohd Ali daripada syarikat GISBH dan pengikutnya atau mana-mana orang yang mempunyai kaitan dengannya atau mana-mana individu lain yang ada ciri-ciri penyelewengan adalah sesat dan menyeleweng.

Ajaran kumpulan itu ialah Asy-Syeikh Muhammad Abdullah As-Suhaimi atau Syeikh Muhammad Suhaimi merupakan Imam Mahdi serta Asaari Muhammad akan muncul bersama Asy-Syeikh Muhammad Abdullah As-Suhaimi/ Syeikh Muhammad Suhaimi sebagai pembantunya pada akhir zaman.

Dr Nooh berkata mana-mana orang hendaklah menjauhi fahaman itu serta dilarang berpegang, percaya, mengajar, sebar, amal atau menjadi pengikut.



KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.
(No. Syarikat: 200801021675 [822993-H])

Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. ("KSSB") adalah organisasi yang terlibat dalam sektor perkhidmatan konsultasi, digital inovasi, kerja-kerja penyelenggaraan jalan, perdagangan, perlombongan dan pembangunan air mineral ingin menjemput syarikat yang berkecenderungan untuk mendaftar secara di atas talian ("online") sebagai perunding atau pembekal bagi Jabatan Teknologi Maklumat, Selgem Sdn Bhd dan KSSB Consult Sdn Bhd yang merangkumi kerja-kerja di dalam sektor perkhidmatan konsultasi, digital inovasi, perlombongan dan teknologi maklumat. Perincian maklumat pendaftaran secara di atas talian adalah seperti berikut:

PELAWAAN PENDAFTARAN SYARIKAT SECARA DI ATAS TALIAN (ONLINE) SEBAGAI PERUNDING ATAU PEMBEKAL BAGI JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT, SELGEM SDN BHD DAN KSSB CONSULT SDN BHD YANG MERANGKUMI KERJA-KERJA DI DALAM SEKTOR PERKHIDMATAN KONSULTANSI, DIGITAL INOVASI, PERLOMBONGAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT.

Tarikh Mula Pendaftaran : 14 November 2024 (Jam 9.00 pagi)
Tarikh Akhir Pendaftaran : 27 November 2024 (Jam 5.00 petang)
Alamat Laman Sesawang : www.semesta.com.my

- Syarat-syarat kelayakan:
 - Syarikat berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan mempunyai lesen/sijil perakuan yang masih sah;
 - Syarikat dan/atau Pengarah Syarikat, dan/atau Pemilik Perniagaan tidak berada dalam keadaan muflis atau bankrap; dan
 - Mematuhi Akta Persaingan 2010 [Akta 712] dan undang-undang lain yang dinyatakan dalam pekeliling.

Catatan:

- Pendaftaran secara di atas talian adalah wajib bagi melayakkan syarikat menyertai sebagai perunding atau pembekal bagi Jabatan Teknologi Maklumat, Selgem Sdn Bhd dan KSSB Consult Sdn Bhd yang merangkumi kerja-kerja di dalam sektor perkhidmatan konsultasi, digital inovasi, perlombongan dan teknologi maklumat.
- KSSB berhak untuk menerima atau menolak mana-mana permohonan pendaftaran tanpa perlu membayar balik apa-apa perbelanjaan atau kerugian yang ditanggung oleh mana-mana pemohon. Semua keputusan oleh KSSB adalah muktamad.
- KSSB tidak pernah melantik atau memberi kuasa kepada mana-mana pihak ketiga untuk menjalankan sebarang transaksi bagi pihak KSSB dan KSSB tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa maklumat yang diberikan oleh pihak ketiga dan tidak akan menanggung apa-apa liabiliti berkenaan sebarang kesimpulan, kerugian atau kerosakan dalam apa jua bentuk yang telah ditanggung atau mungkin ditanggung oleh orang ramai yang berpunca daripada mereka bergantung atau menggunakan maklumat yang diberikan oleh pihak ketiga. Pihak awam dinasihatkan agar menghubungi KSSB bagi sebarang pengesahan dan/atau maklumat lanjut.
- Maklumat lanjut pendaftaran syarikat boleh diperolehi di laman sesawang rasmi kami www.semesta.com.my

Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (822993-H)
Aras LPH, Menara Bank Rakyat Shah Alam
No. 1, Jalan Indah 14/8, Seksyen 14
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-5518 7735 Faks: 03-5518 7736
www.semesta.com.my

Pegawai Untuk Dihubungi:
En. Khairul Kasyfi Mahmood 018-246 1411
En. Muhd Amir Osman 011-72285132
En. Muhd Fadhil Kamaruddin 012-269 7515

Kerja perobohan selesai 80 peratus

SHAH ALAM - Proses meroboh Stadium Shah Alam yang bermula awal Julai mencapai tahap 80 peratus dan dijangka selesai sepenuhnya Mei tahun depan, kata EXCO Sukan Najwan Halimi.

Beliau memberitahu proses pembinaan Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA) memabitkan kawasan seluas 76.08 hektar dimulakan sejurus perobohan tersebut selesai dijalankan.

"Proses perobohan berada dalam kemajuan yang sangat baik, bila dah siap robah nanti pembinaan KSSA akan bermula untuk struktur stadium baharu.

"Kita berharap semua proses berjalan mengikut jadual. KSSA akan dilengkapi pelbagai kemudahan moden, bukan sahaja untuk sukan tetapi rekreasi untuk orang ramai," katanya pada 9 November.

Kerjasama perkasa industri dron

SHAH ALAM - Selangor Aviation and Technology Innovations Sdn Bhd (Selati) memeterai memorandum persefahaman dengan pemaju sistem ketenteraan terbesar Turkiye, Havelsan pada bulan lalu.

Menurut EXCO Pembudayaan Inovasi Dr Mohammad Fahmi Ngah, kerjasama memabitkan pemerksaan industri dron ditandatangani sempena Ekspo Saha, pameran pertahanan dan aeroangkasa terbesar di Turkiye.

"Saya percaya kerjasama dengan industri aeroangkasa dari Turkiye amat penting sekali dalam usaha kita menjadikan Selangor sebagai hab aeroangkasa utama.

"Selain itu, ia dijangka membantu memperkasa industri dron di negeri ini dengan pembangunan Pusat Kecemerlangan Dron (CoE) di Bestari Jaya, Kuala Selangor," katanya baru-baru ini.

Halusi penubuhan koperasi wanita

SUBANG JAYA - Kerajaan Negeri berhasrat meneliti pembangunan koperasi wanita di negeri ini selaras Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Selangor 2024-2026, kata EXCO pembangunan wanita.

Anfaal Saari menjelaskan konsep koperasi wanita dalam pembangunan berkelompok sejajar dengan hasrat untuk mengangkat sosioekonomi golongan berkenaan.

"Setakat ini kita belum ada rancangan tetapi dengan peluang yang ada, ia sejajar dengan dasar wanita Selangor, yang salah satunya adalah mengangkat sosioekonomi wanita.

"Konsep koperasi itu yang menggabungkan secara berkelompok akan bantu angkat martabat wanita," katanya selepas merasmikan majlis penutup Simposium Koperasi Wanita 2024 pada 8 Oktober.

Teliti stadium perasmian SUKMA

SHAH ALAM - Stadium Merdeka di Kuala Lumpur antara lokasi pilihan untuk upacara pembukaan Sukan Malaysia (SUKMA) edisi ke-22 anjuran Selangor pada 2026, kata EXCO Sukan Najwan Halimi.

Beliau menjelaskan stadium tersebut antara yang diberi pertimbangan berikutan proses pembangunan Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA) hanya dijumlah siap pada hujung tahun 2026.

"Memang Stadium Merdeka berada

di Kuala Lumpur tetapi semasa proses pembinaannya ia dalam Selangor, jadi ada nilai sentimental kepada Selangor," katanya pada 9 November.

Najwan juga tidak menolak kemungkinan mengadakan majlis perasmian temasya dwitahunan itu di lokasi selain stadium, mengambil contoh penganjuran Sukan Olimpik di Paris pada Ogos.

"Tidak semestinya di stadium. Di Sukan Olimpik Paris pun ia dilakukan di sungai, atlet diarak atas bot. Terpulang

keaktiviti penganjur. Kita lihat pada kesesuaian negeri kita," katanya.

Selain itu, beliau juga berhasrat untuk memanfaatkan semua daerah di negeri ini sebagai lokasi penganjuran acara SUKMA.

Pada 18 Julai, Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia memutuskan Selangor bakal menjadi tuan rumah temasya SUKMA 2026. Kali terakhir Selangor menganjurkan acara berprestij itu pada 1998.

Mohon mulai Disember

Geran RM400,000 daftar operasi taska

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

SHAH ALAM - Geran khas RM400,000 diperkenal kepada pengusaha taska yang tidak berdaftar sebagai galakan kepada mereka untuk berbuat demikian bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Menurut EXCO kebajikan masyarakat, inisiatif julung kali ini boleh dimohon dalam talian mulai Disember ini bagi memastikan semua taska berdaftar sekali gus mematuhi

undang-undang.

Berdasarkan statistik, menurut Anfaal Saari, sebanyak 128 taska masih tidak berdaftar setakat Julai berbanding 407 pada tahun sebelum ini menerusi proses pemutihan.

"Kita perkenalkan geran ini kepada pengusaha taska yang ada mengalami beberapa isu berkaitan antaranya kewangan atau kelulusan pada peringkat pihak berkuasa tempatan.

"Geran diberi mengikut invois

semasa atau keperluan taska, maksimum peruntukan RM5,000," katanya selepas merasmikan program advokasi perkhidmatan taska negeri 2024 pada 7 November.

Beliau juga memberitahu semua pengusaha bendaftar memperoleh pelbagai manfaat termasuk pengecualian cukai dan insentif kerajaan.

"Faedah terlalu banyak terutama jika dilihat dari aspek kanak-kanak itu sendiri kerana mereka merupakan aset negara, generasi penerus dan pengganti kepada kita suatu hari nanti," katanya.

Wajib ikuti kursus asuhan anak

SHAH ALAM - Pemilik taska diingatkan supaya mematuhi peraturan termasuk mewajibkan pengasuh mengikuti kursus asuhan kanak-kanak, kata EXCO Kebajikan Masyarakat Anfaal Saari.

Beliau memberitahu mereka juga wajib mematuhi peraturan berkaitan selain pematuan berkaitan teknikal seperti bangunan dan infrastruktur

demi keselesaan kanak-kanak.

"Pada peringkat pengusaha taska sendiri, pengasuh wajib menjalani kursus pengasuhan kanak-kanak selama 28 hari oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

"Ini termasuk mengambil pengasuh mengikut nisbah kanak-kanak di taska mengikut peringkat umur," ka-

tanya pada 8 November.

Anfaal juga menyarankan pengusaha merujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) jika ada masalah berkaitan garis panduan dan undang-undang.

"Kerajaan Negeri mahu melihat secara menyeluruh termasuk dalam operasi taska supaya dapat memberi perkhidmatan lebih baik," katanya.

Kelab zakat pupuk kesedaran

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) melancarkan Zakat Aulad Club (ZAC) bagi memupuk kesedaran kepentingan zakat dalam kalangan generasi muda.

Menurut ketua pegawai eksekutifnya, program itu kesinambungan kepada Modul Pendidikan Zakat Selangor (MPZS) yang diperkenal di seluruh sekolah agama naungan Jais pada Ogos 2022.

Mohd Sabirin Mohd Sarbini berka-

ta ZAC akan diperkenal ke 11 sekolah rendah agama integrasi (SRAI) sebelum diperluas ke semua sekolah bawah Jais pada tahun hadapan, lapor Bernama.

"Pada awal perancangan MPZS, salah satu kegiatan yang dicadangkan adalah mewujudkan kelab zakat sebagai platform untuk anak-anak memahami, menerima dan membudayakan amalan berzakat.

"Atas dasar itu, LZS dan Jais bersungguh-sungguh menjayakan ZAC agar ia memperkasakan lagi pendidikan zakat

di sekolah-sekolah naungan Jais," kata beliau pada 7 November.

Katanya, ZAC berperanan sebagai wadah pendidikan asas zakat yang membentuk pemahaman anak muda mengenai nilai kemasyarakatan Islam dan proses pengagihan dalam membina masyarakat seimbang.

Beliau menjelaskan inisiatif berkenaan antara strategi jangka panjang LZS bagi melahirkan generasi celik zakat dengan memupuk kesedaran awal dalam kalangan pelajar.

Tambah baik laluan pejalan kaki

SHAH ALAM - Sebanyak RM81,700 dibelanjakan wakil rakyat Kampung Tunku untuk menaik taraf laluan pejalan kaki di taman permainan di Jalan SS2/48 demi manfaat penduduk setempat.

Menurut Lim Yi Wei, projek hasil peruntukan dana negeri bawah Projek Selangor Penyayang (PSP) dibuat berikutan laluan tersebut usang dan sempit serta tidak selamat untuk warga emas.

“Projek bermula September lalu dan selesai dalam sebulan. Dengan menaik taraf laluan ini, ia beri keselesaan kepada penduduk untuk dimanfaatkan dengan baik,” katanya pada 8 November.

Peruntukan keseluruhan RM24 juta disediakan Kerajaan Selangor bertujuan meningkatkan lagi mutu kemudahan awam termasuk membina prasarana baharu sepanjang tahun ini.

Dana RM10 juta untuk mengecat dan memperbaiki kemudahan pangsapuri kos rendah serta sederhana melebihi 15 tahun manakala RM14 juta disalurkan kepada 56 Dewan Undangan Negeri iaitu setiap satu RM250,000.

Sebelum ini, beliau juga menaik taraf beberapa prasarana daif di sekolah menggunakan dana PSP antaranya memperbaiki saliran dan bumbung.

Tingkat kemudahan dua surau

SHAH ALAM - Ahli Dewan Undangan Negeri Taman Templer memanfaatkan peruntukan dari Projek Selangor Penyayang sebanyak RM50,000 bagi membaiki pulih surau.

Menurut Anfaal Saari, sebanyak RM30,000 digunakan untuk membaiki tandas, tempat wuduk dan lantai Surau Al-Ehsan di Pangsapuri Dahlia A, Bandar Baru Selayang.

Turut menerima manfaat, Surau Abu Hanifah Bukit Idaman, Taman Templer bagi kerja pembaikan bumbung berjumlah RM20,000.

Beliau berharap projek naik taraf yang disiapkan baru-baru ini memberi keselesaan kepada jemaah di samping mengeratkan hubungan sesama masyarakat.

Ringan beban pelajar IPT

Manfaat sumbangan baiki rumah

Oleh **FITRI HAZIM HAZAM**

SABAK BERNAM - Mangsa bencana ribut di Kampung Bagan Nahko-da Omar, Sabak Bernam di sini bersyukur menerima sumbangan Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI.

Norzyee Kamarudin, 37, memberitahu bantuan RM1,000 itu sedikit sebanyak menampung kos pembaikan bumbung rumah yang rosak akibat bencana ribut pada Julai.



“Kerosakan ini menyebabkan rumah kami dimasuki air ketika hujan memandangkan bumbung di kawasan dapur dan halaman rumah berlubang.

“Terima kasih Yayasan MBI membantu dan prihatin dengan nasib saya sekeluarga. Hujan selalu melanda, jika kerosakan tidak dibaik pulih, rumah jadi lebih teruk,” katanya baru-baru ini.

Puguneswary Murugaiah, 38, pula



berkata kejadian itu merosakkan atap rumahnya di Kampung Datuk Hormat hingga mendatangkan kacau ganggu haiwan liar termasuk monyet.

“Ada atap rumah yang berlubang yang memudahkan haiwan liar masuk ke dalam rumah. Saya ucap terima kasih, dapatlah saya gunakan duit sumbangan untuk membaiki kerosakan,” katanya.

Sementara itu, penerima bantuan pendidikan pula mahu menggunakan sumbangan tunai RM1,000 bagi menampung yuran pengajian dan kos kediaman anaknya yang menuntut di Universiti DRB-Hicom.

Ibu tunggal Azizah Salleh, 48, juga berharap sumbangan berkenaan memberi motivasi tambahan kepada anaknya yang menyambung pengajian dalam bidang perniagaan.

Sebanyak tujuh keluarga mangsa bencana menerima sumbangan RM1,000 (ribut) dan RM500 (banjir) yang disampaikan Ketua Yayasan MBI Ahmad Azri Zainal Nor.

2,100 pinjam komputer

SHAH ALAM - Seramai 2,100 mahasiswa di negeri ini menikmati kemudahan pinjaman komputer riba antara Oktober 2022 hingga September 2024 melalui Skim Pinjaman Teknologi Asas (SEPINTAS).

Menurut ketua bahagian Unit Korporat Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS), ia bagi meringankan beban golongan berpendapatan rendah dan menjadi nilai tambah perkhidmatan pustaka.

“Konsep pinjaman sama seperti meminjam buku dalam tempoh enam bulan. Ia disediakan dengan melihat

keperluan komputer riba tinggi disebabkan kaedah pembelajaran berubah sejak pandemik.

“Program ini disediakan meliputi 50 cawangan PPAS seluruh Selangor. Mereka boleh memperbaharui tempoh pinjaman hingga sebulan mengikut keperluan,” kata Zafrullah Aris pada 11 November.


Beliau menjelaskan syarat permohonan yang boleh diperoleh dalam laman sesawang PPAS antaranya menetapkan di Selangor dan pendapatan isi rumah kurang daripada RM8,000 sebulan.

LAND SALE BY OPEN TENDER (JUALAN TANAH SECARA TENDER TERBUKA)

Interested tenderers/bidders are invited to participate in the **SALE BY OPEN TENDER** as described below:

TITLE & TENDER REF.		PROPOSED DEVELOPMENT LAND SALE BY OPEN TENDER (CADANGAN JUALAN TANAH PEMBANGUNAN SECARA TENDER TERBUKA) (TENDER REF: 90-PROP-2024-0001)	
135.49 ACRES OF DEVELOPMENT LAND			
DATE AND TIME OF PURCHASE		TENDER DOCUMENT FEE	
Starting From 21 NOVEMBER 2024 Via online purchase Please contact us for details at: Tel: 03-5526 2525 Minhalina : ext (5953) / Amin : ext (5951) Email: procurement@whb.com.my, minhalina.rahman@whb.com.my, amin.bakar@whb.com.my Working Hours: Monday - Friday (9.00 a.m. - 5.30 p.m.)		The Tender Documents can be purchased for RM500.00 (Ringgit Malaysia Five Hundred Only) from 18 November 2024 until the tender closing date. Payment must be made via electronic transfer to the designated account below: BANK: RHB BANK BHD; AC NO: 21225-5000-60802 Beneficiary: Worldwide Property Management (Payment is non-refundable) The proof of payment (payment slip) must be furnished to us by emailing to the email address stated above.	
CLOSING OF TENDER			
On or Before: 12:00 p.m. 13 DECEMBER 2024 (FRIDAY). Kindly send us your completed Tender Documents including its supporting materials in a sealed envelope to the designated Tender Box A located at : Worldwide Property Management Sdn Bhd Ground Floor, MERCU WORLDWIDE, No 7, Persiaran Sukan, Laman Seri Business Park, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan			

- Notes**
- This invitation for land sale by tender is open to all interested parties.
 - Tenderer/Bidder is required to submit the completed tender bid in accordance to the “Instruction to Tenderer/Bid” as specified in the purchased Tender Documents.
 - Worldwide Property Management Sdn Bhd (“WPMSB”) reserves the right to accept and/or reject any bid proposal.
 - All bid submissions received after the bid closing date will not be entertained and/or considered.



Malaysia juara dunia Mobile Legend

SHAH ALAM - Pasukan Mobile Legend Bang-Bang (MLBB) Malaysia mencipta sejarah memenangi Kejohanan Dunia e-sukan IESF selepas menewaskan Filipina 2-0 pada perlawanan akhir di Riyadh, Arab Saudi pada 15 November.

Malaysia dibarisi hampir sepenuhnya pemain Selangor Red Giants bermula baik apabila memenangi perlawanan pertama dengan keputusan 17 kill berbalas 14 dalam aksi hampir 22 minit, lapor Bernama.

Pasukan negara memulakan aksi kedua sedikit goyah namun kembali memperbaiki permainan untuk menang sembilan kills berbalas empat sekali gus menjulang kejuaraan sulung buat Malaysia.

Kemenangan tersebut membolehkan Malaysia membawa pulang hadiah USD70,000 (RM 313,180).

30,000 orang dapat bakul makanan

SABAK BERNAM - Dana sebanyak RM2 juta digunakan Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI bagi menayakan pelbagai program sumbangan bakul makanan sepanjang tahun ini.

Ketuanya Ahmad Azri Zainal Nor berkata dana yang memanfaatkan 30,000 penerima itu bertujuan membantu lebih ramai masyarakat terutama golongan berpendapatan rendah (B40) dan warga emas.

"Yayasan MBI menyediakan peruntukan khas sebanyak RM1 juta untuk sumbangan bakul makanan pada awalnya tetapi jumlah itu ditambah menjadi RM2 juta pada tahun ini.

"Program ini mendapat sambutan serta permintaan tinggi dari seluruh negeri khususnya dari ketua kampung, ahli majlis dan setiap wakil rakyat di setiap daerah," katanya baru-baru ini.

Karnival Ban Canal 26 November

SHAH ALAM - Pelbagai acara menarik menanti pengunjung Karnival Ban Canal 2024 di Ban Canal Parit 14, Simpang Lima Sabak Bernam antara 26 November hingga 1 Disember.

Menurut Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) selaku penganjur, program itu antaranya saringan kesihatan percuma, jualan makanan dan minuman, larian bendang dan maraton kayak.

"Seiring sasaran menjadikan Ban Canal sebagai destinasi ekopelancongan, variasi kegiatan dan program menanti anda, sesuai untuk pelbagai peringkat umur," kata kenyataan pada 6 November.

TENANG... Pemain Harimau Malaya Adib Ra'op melepasi kawalan pemain Laos dalam perlawanan antarabangsa tier 1 di Bangkok, Thailand pada 14 November. Malaysia menang 3-1. Foto Facebook Persatuan Bolasepak Malaysia



PBT sedia gelanggang

Perkenal pickleball dalam SUKMA 2026

Oleh **SOFIA NASIR**

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri berhasrat mengangkat sukan pickleball termasuk memperkenalkannya dalam temasya Sukan Malaysia (SUKMA) ke-22 pada 2026.

Dato' Menteri Besar berkata sejumlah RM1 juta diperuntuk bagi menayakan pesta pickleball merangkumi kejohanan terbuka dan pertandingan di sekolah.

Menurut Dato' Seri Amirudin Shari,

pihak berkuasa tempatan (PBT) juga akan menyediakan gelanggang di taman awam dengan menaik taraf gelanggang badminton sedia ada.

"Antara faktor penarik pickleball adalah cara dan budayanya yang inklusif, tidak kira muda ataupun warga emas, lelaki atau wanita, semua dapat menyertai dan mula mengangkat paddle dengan pantas.

"Meskipun sukan ini bermula di Amerika Syarikat, beberapa pakar mengunjurkan bahawa Asia akan menjadi medan pickleball dunia dengan

penambahan 100 juta pemain baharu dalam tempoh lima tahun," katanya ketika membentangkan Belanjawan Selangor 2025 pada 15 November.

Sebelum ini, Amirudin dilaporkan berkata acara sukan dan rekreasi dijadikan teras inisiatif dalam kalendar Tahun Melawat Selangor 2025 bagi menarik kehadiran lebih ramai pelancong tempatan dan antarabangsa.

Menurutnya, sukan pelancongan merupakan tarikan utama di Selangor, antaranya seperti larian, basikal dan yang terbaharu sukan pickleball.

Sekolahku Hebat tawar RM5,000

SHAH ALAM - Pengunjung Pesta Buku Antarabangsa Selangor (SIBF) mulai 27 November hingga 3 Disember di Pusat Konvensyen Setia City, Setia Alam berpeluang beramah mesra dengan sasterawan negara.

Ketua Bahagian Korporat Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor berkata pihaknya menyediakan ruang khas Pavilion Selangor untuk tokoh berkenaan menganjurkan acara ber-

sama pengunjung.

"Ini antara tarikan baharu. Dalam masa sama, kita teruskan acara Hati dan Minda Sasterawan untuk mereka bergupas dan berkongsi sebarang isu," kata Zafrullah Aris baru-baru ini.

Katanya, penganjuran kali ini turut menawarkan wang tunai RM5,000 kepada pemenang pertandingan Sekolahku Hebat berdasarkan kehadiran tertinggi pelajar sesebuah sekolah yang

menyertainya.

"Setiap murid yang hadir akan mendapat e-sijil kehadiran di SIBF 2024. Selain wang tunai lumayan, sekolah juga akan membawa pulang televisyen 65 inci," katanya.

Julung kali diadakan pada 2022, SIBF kesinambungan daripada Pesta Buku Selangor yang dijalankan selama 16 tahun sejak 2006 turut menawarkan cabutan bertuah kepada pengunjung.